

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN JOHOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN JOHOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Johor. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025 Perbadanan Johor dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada Penyata Kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang material seperti yang dinyatakan pada muka surat 6 hingga 164.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2025 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Johor Bilangan 4 Tahun 1968 (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bilangan 5 Tahun 1995).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Johor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Perbadanan Johor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Johor Bilangan 4 Tahun 1968 (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bilangan 5 Tahun 1995). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Johor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Johor dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Johor atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Johor atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Johor Bilangan 4 Tahun 1968 (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bilangan 5 Tahun 1995), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 18 dalam Penyata Kewangan.

Hal-hal Lain

Pada tahun 2025, sebanyak lapan syarikat subsidiari Perbadanan Johor dengan pegangan pelaburan berjumlah RM361.75 juta telah mengalami kerugian tiga tahun berturut-turut dengan pertambahan sebanyak empat syarikat subsidiari baharu berbanding tahun 2023 dan 2024. Tiga daripada lapan syarikat subsidiari tersebut berada dalam kedudukan liabiliti bersih dengan jumlah kerugian terkumpul sebanyak RM8.08 juta. Perbadanan Johor hendaklah terus mengkaji semula model operasi terbaik syarikat subsidiari supaya kekal berdaya saing dan memberi pulangan terbaik kepada Perbadanan Johor.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Perbadanan Johor berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Johor Bilangan 4 Tahun 1968 (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bilangan 5 Tahun 1995) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
5 JUN 2026



**PENYATA KEWANGAN
JOHOR CORPORATION DAN KUMPULAN
31 DISEMBER 2025**

Laporan Para Pengarah

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan tahunan beserta dengan penyata kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah Enakmen Johor Corporation, 1968 (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Johor Corporation, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah pembangunan dan pengurusan hartanah, dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terutamanya terdiri daripada perniagaantani, kesihatan dan penjagaan kesihatan, hartanah dan infrastruktur, restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM Juta	Johor Corporation RM Juta
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai	703	481
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	-	-
Keuntungan bersih selepas cukai	703	481
Keuntungan dikaitkan kepada:		
Milikan Johor Corporation	342	481
Kepentingan bukan kawalan	361	-
	703	481

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

Laporan Para Pengarah

LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan dalam tempoh dari akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah:

YAB Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr. Ismail Bin Haji Bakar

YBhg Datuk Syed Mohamed Bin Syed Ibrahim

YB Dato' Mohammed Ridha Bin Dato' Abd. Kadir

YB Dato' Abd Aziz Bin Engan

YB Dato' Mohd. Noorazam Bin Dato' Haji Osman (Dilantik pada 15 Februari 2026)

YBhg Datuk Johan Bin Mahmood Merican

YBhg Datuk Seri Nor Azmie Bin Diron

YBhg Dato' Hairil Yahri Bin Yaacob

YBhg Dato' Sr. Hisham Bin Jafrey

YBhg Datuk Nor Azri Bin Zulfakar

YBhg Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Bin Rohani (Peletakan jawatan pada 30 Jun 2025 dan dilantik semula pada 1 Februari 2026)

YB Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman (Peletakan jawatan pada 12 Februari 2026)

IMBUHAN PENGARAH

Maklumat mengenai imbuhan para Pengarah dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

MAKLUMAT LAIN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum Penyata Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:
 - (i) untuk memastikan tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, termasuk nilai aset semasa seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation telah dikurangkan nilainya kepada satu amaun yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
 - (i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
 - (ii) yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
 - (iii) yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.

Laporan Para Pengarah

MAKLUMAT LAIN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.
- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
 - (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (e) Pada pendapat para Pengarah:
 - (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
 - (ii) dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:


DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI
Pengerusi


DATUK SYED MOHAMED BIN SYED IBRAHIM
Presiden & Ketua Eksekutif

Johor Bahru

24 APR 2026

Penyata Pengerusi Dan Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation

Kami, Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi dan Datuk Syed Mohamed Bin Syed Ibrahim, yang merupakan Pengerusi dan Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2025 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI
Pengerusi



DATUK SYED MOHAMED BIN SYED IBRAHIM
Presiden & Ketua Eksekutif

Johor Bahru
24 APR 2026

Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation

Saya, Rozaini Bin Mohd Sani, No. Keahlian MIA 43588, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui
oleh penama di atas
di Johor Bahru pada **24 APR 2026**



Dihadapan saya,



Pesuruhjaya sumpah

No. 5-01, Jalan Padi Emas 3/2
Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru.

Penyata Pendapatan Komprehensif Kumpulan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	2025	2024
Operasi berterusan			
Hasil	3	7,626	6,961
Kos jualan		(4,552)	(4,144)
Keuntungan kasar		3,074	2,817
Lain-lain item pendapatan			
Lain-lain pendapatan	4	431	632
Lain-lain item perbelanjaan			
Perbelanjaan pengedaran		(51)	(11)
Perbelanjaan pentadbiran		(1,500)	(1,570)
Kerugian bersih ke atas kemerosotan nilai instrumen kewangan		(11)	(12)
Lain-lain perbelanjaan	5	(414)	(462)
Kos kewangan	6	(553)	(504)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		36	68
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama, bersih selepas cukai		27	(240)
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	7	1,039	718
Cukai	10	(373)	(313)
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai		666	405
Operasi yang dihentikan			
(Kerugian)/keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	11	37	(88)
Keuntungan selepas cukai		703	317

Penyata Pendapatan Komprehensif Kumpulan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Note	2025	2024
Lain-lain (perbelanjaan)/pendapatan komprehensif, diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh berikutnya:			
Pertukaran mata wang asing dari operasi asing		(13)	(21)
Lain-lain pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif, tidak diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh berikutnya:			
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Lain-lain Pendapatan Komprehensif ("FVOCI")		-	(3)
Lebihan/(kurangan) penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	12	75	(59)
Lain-lain pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa, bersih selepas cukai		62	(83)
Jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa		765	234
Keuntungan/(kerugian) dikaitkan kepada:			
Milikan Johor Corporation		342	(69)
Kepentingan bukan kawalan		361	386
		703	317
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif dikaitkan kepada:			
Milikan Johor Corporation		387	(180)
Kepentingan bukan kawalan		378	414
		765	234

Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan

Pada 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	2025	2024
ASET			
Aset bukan semasa			
Harta, loji dan kelengkapan	12	8,261	8,234
Hak penggunaan aset	13	2,826	2,556
Inventori	14	1,303	790
Hartanah pelaburan	15	5,210	5,360
Aset biologi	16	11	-
Aset tidak zahir	17	181	197
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	19	338	433
Pelaburan dalam syarikat-syarikat usahasama	20	1,411	1,394
Aset cukai tertunda	21	162	165
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Lain-lain Pendapatan Komprehensif ("FVOCI")	22(b)	24	32
Penghutang perdagangan dan lain-lain	24	44	22
		19,771	19,183
Aset semasa			
Inventori	14	1,134	1,178
Aset biologi	16	44	67
Kos kontrak	23	21	10
Penghutang perdagangan dan lain-lain	24	1,337	1,558
Aset kontrak	25	435	246
Aset kewangan pada Kos Terlunas	22(a)	24	52
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")	22(b)	-	173
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")	22(c)	122	5
Cukai boleh diperolehi kembali		143	221
Baki tunai dan bank	26	2,767	2,279
		6,027	5,789
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	27	546	353
		6,573	6,142
Jumlah aset		26,344	25,325

Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan

Pada 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	2025	2024
EKUITI DAN LIABILITI			
Liabiliti semasa			
Cukai perlu dibayar		55	24
Liabiliti pajakan	28	34	43
Pembiayaan dan pinjaman	29	1,586	982
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	30	2,000	1,982
Liabiliti kontrak	25	152	164
		3,827	3,195
Liabiliti berkaitan langsung dengan pelupusan kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	27	190	-
		4,017	3,195
Aset semasa bersih		2,556	2,947
Liabiliti bukan semasa			
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	30	93	55
Lain-lain liabiliti jangka panjang	31	1,018	1,077
Liabiliti cukai tertunda	21	696	674
Pembiayaan dan pinjaman	29	7,593	7,914
Liabiliti pajakan	28	718	653
		10,118	10,373
Jumlah liabiliti		14,135	13,568
Aset bersih		12,209	11,757
Ekuiti			
Rizab modal	32(a)	21	379
Rizab penilaian semula aset	32(b)	550	277
Rizab turun naik mata wang	32(c)	(1)	3
Rizab FVOCI	32(d)	(3)	(45)
Rizab hasil	32(e)	7,494	7,213
		8,061	7,827
Kepentingan bukan kawalan		4,148	3,930
Jumlah ekuiti		12,209	11,757
Jumlah ekuiti dan liabiliti		26,344	25,325

Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab turun naik mata wang	Rizab FVOCI	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
2025								
Pada 1 Januari 2025	379	277	3	(45)	7,213	7,827	3,930	11,757
(Kerugian)/keuntungan selepas cukai	-	-	-	-	342	342	361	703
Lain-lain pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif (Defisit)/lebih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	-	58	-	-	-	58	17	75
Pertukaran mata wang asing bagi operasi asing	-	-	(13)	-	-	(13)	-	(13)
Jumlah lain-lain pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	58	(13)	-	-	45	17	62
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	58	(13)	-	342	387	378	765
Transaksi dengan pemilik								
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	(73)	(73)
Pelupusan anak syarikat	-	-	-	-	-	-	14	14
Agihan kepada Kerajaan Negeri*	-	-	-	-	(64)	(64)	-	(64)
Terbitan semula saham perbendaharaan, bersih daripada kesan kos urusniaga	-	-	-	-	27	27	-	27
Terbitan saham kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	44	44
Pencairan kepentingan dalam anak syarikat	-	(9)	-	23	(38)	(24)	129	105
Pelarasannya kepada/daripada rizab hasil	(358)	224	9	19	14	(92)	(274)	(366)
	(358)	215	9	42	(61)	(153)	(160)	(313)
Pada 31 Disember 2025	21	550	(1)	(3)	7,494	8,061	4,148	12,209

* Pengagihan kepada Kerajaan Negeri adalah merujuk kepada dividen yang dibayar oleh Johor Corporation kepada Kerajaan Negeri Johor.

Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

2024	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab turun naik mata wang	Rizab FVOCI	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2024	416	387	24	(42)	7,319	8,104	2,778	10,882
(Kerugian)/keuntungan selepas cukai	-	-	-	-	(69)	(69)	386	317
Lain-lain pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif								
(Defisit)/lebih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	-	(110)	-	-	23	(87)	28	(59)
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan pada FVOCI	-	-	-	(3)	-	(3)	-	(3)
Pertukaran mata wang asing bagi operasi asing	-	-	(21)	-	-	(21)	-	(21)
Jumlah lain-lain pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	(110)	(21)	(3)	23	(111)	28	(83)
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	(110)	(21)	(3)	(46)	(180)	414	234
Transaksi dengan pemilik								
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	(55)	(55)
Pelupusan anak syarikat	(37)	-	-	-	37	-	-	-
Agihan kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	(34)	(34)	-	(34)
Bayaran balik sumbangan modal kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	(4)	(4)
Pelupusan dianggap	-	-	-	-	119	119	(119)	-
Terbitan saham kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	(4)	(4)	14	10
Pencairan anak syarikat	-	-	-	-	(96)	(96)	820	724
Pelarasan daripada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	(82)	(82)	82	-
	(37)	-	-	-	(60)	(97)	738	641
Pada 31 Disember 2024	379	277	3	(45)	7,213	7,827	3,930	11,757

Penyata Aliran Tunai Kumpulan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	2025	2024
KEGIATAN OPERASI		
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai:		
Operasi berterusan	1,039	718
Operasi dihentikan	37	(44)
Pelarasan-pelarasan:		
Harta, loji dan kelengkapan:		
Keuntungan bersih atas pelupusan	(33)	(43)
Hapuskira	35	20
Susutnilai	393	381
Kerugian rosotnilai/(penarikbalikan rosotnilai)	3	75
Hak penggunaan aset:		
Susutnilai	60	71
Kerugian rosotnilai/(penarikbalikan rosotnilai)	(11)	-
Hartanah pelaburan:		
Keuntungan bersih atas pelupusan	(9)	(1)
Perubahan dalam nilai saksama	(107)	(235)
Hapuskira	23	-
Aset biologi:		
Hapuskira	10	2
Perubahan dalam nilai saksama bagi aset biologi	13	7
Kerugian atas pelupusan dianggap bagi anak syarikat	-	116
Hak penggunaan aset:		
Keuntungan bersih bagi pelunasan liabiliti bersih hasil pelupusan perniagaan penjagaan warga emas	-	(43)
Keuntungan atas pelupusan anak-anak syarikat	(8)	(6)
Pelaburan:		
Perubahan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	8	-
Perubahan nilai saksama untung atau rugi	(117)	(25)
Penghutang perdagangan dan lain-lain:		
Elaun rosotnilai penghutang	14	18
Aset tidak zahir:		
Pelunasan	3	4
Kerugian rosotnilai	5	5
Kerugian perbezaan tukaran	-	(2)
Pelunasan:		
Geran kerajaan	(8)	(104)
Sewaan tanah pajakan	(17)	(22)
Perbelanjaan faedah	563	504
Pelepasan daripada pemiutang	(3)	(6)
Pendapatan faedah	(80)	(72)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	(63)	172
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	1,750	1,490

Penyata Aliran Tunai Kumpulan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	2025	2024
Perubahan dalam modal kerja		
Inventori	(584)	(248)
Penghutang	1,435	(93)
Aset kontrak	(189)	55
Pemiutang	(459)	410
Liabiliti kontrak	(12)	(23)
Syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	140	(52)
Tunai dijana daripada kegiatan operasi	2,328	1,539
Cukai di bayar, bersih daripada pemulangan	(241)	(324)
Tunai bersih dijana daripada kegiatan operasi	1,840	1,215
KEGIATAN PELABURAN		
Pelupusan dianggap bagi anak syarikat, aliran keluar tunai bersih	-	(64)
Faedah diterima	80	72
Harta, loji dan kelengkapan:		
Perolehan daripada pelupusan	23	110
Pembelian	(1,003)	(764)
Hak penggunaan aset:		
Perolehan daripada pelupusan	-	7
Pembelian	(60)	(211)
Hartanah pelaburan:		
Perolehan dari pelupusan	247	1,151
Pembelian	(57)	(954)
Aset biologi:		
Pembelian	(11)	(14)
Aset tidak zahir:		
Tambahan	(13)	(13)
Geran kerajaan diterima	10	5
Dividen diterima daripada Syarikat Bersekutu	2	-
Penurunan deposit dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	500	158
Tunai penurunan digunakan dalam kegiatan pelaburan	(282)	(517)

Penyata Aliran Tunai Kumpulan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	2025	2024
KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	1,285	1,133
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(1,098)	(1,525)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(58)	(145)
Faedah dibayar	(558)	(503)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	(73)	(55)
Terbitan saham kepada kepentingan bukan kawalan	-	738
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	(64)	(34)
Akaun yang ditetapkan	5	226
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(561)	(165)
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	997	533
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	1,710	1,177
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	2,707	1,710
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Baki tunai dan bank	2,008	1,370
Deposit dengan bank berlesen	759	909
	2,767	2,279
Overdraf bank	(52)	(57)
Deposit dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(3)	(503)
Akaun yang ditetapkan	(5)	(9)
	2,707	1,710

Penyata Aliran Tunai Kumpulan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

2025	Pada 1 Jan	Aliran Tunai			Pergerakan bukan tunai					Pada 31 Dec
		Penurunan	Pembayaran balik	Kos kewangan dibayar	Kos kewangan	Pergerakan tukaran wang asing	Sewa beli	Dividen diterima daripada Syarikat Bersekutu	Pajakan	
Pinjaman (kecuali overdraf)	8,839	1,285	(1,098)	(402)	433	-	69	-	-	9,126
Liabiliti pajakan	696	-	(58)	-	110	(332)	-	-	336	752

2024	Pada 1 Jan	Aliran Tunai			Pergerakan bukan tunai					Pada 31 Dec
		Penurunan	Pembayaran balik	Kos kewangan dibayar	Kos kewangan	Pergerakan tukaran wang asing	Sewa beli	Dividen diterima daripada Syarikat Bersekutu	Pajakan	
Pinjaman (kecuali overdraf)	9,206	1,133	(1,525)	(417)	418	-	24	-	-	8,839
Liabiliti pajakan	524	-	(145)	-	31	(2)	-	-	288	696

Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	2025	2024
Hasil	3	473	759
Kos jualan		(81)	(110)
Keuntungan kasar		392	649
Lain-lain item pendapatan			
Lain-lain pendapatan	4	587	1,607
Lain-lain item perbelanjaan			
Perbelanjaan pengedaran		(8)	(6)
Perbelanjaan pentadbiran		(155)	(238)
Lain-lain perbelanjaan	5	(159)	(1,090)
Kos kewangan	6	(150)	(173)
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	7	507	749
Cukai	10	(26)	(115)
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai		481	634

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	2025	2024
ASET			
Aset bukan semasa			
Harta, loji dan kelengkapan	12	49	57
Hak penggunaan aset	13	6	9
Inventori	14	351	34
Hartanah pelaburan	15	2,069	2,009
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	18	4,676	3,814
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	19	4	4
Aset cukai tertunda	21	26	29
Penghutang perdagangan dan lain-lain	24	35	-
		7,216	5,956
Aset semasa			
Inventori	14	544	648
Penghutang perdagangan dan lain-lain	24	1,245	1,510
Aset Kontrak	25	26	57
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")	22(c)	13	10
Cukai boleh diperolehi kembali		4	4
Baki tunai dan bank	26	490	816
		2,322	3,045
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	27	53	843
		2,375	3,888
Jumlah aset		9,591	9,844

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	2025	2024
EKUITI DAN LIABILITI			
Liabiliti semasa			
Liabiliti pajakan	28	3	3
Pembiayaan dan pinjaman	29	38	2
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	30	351	886
Liabiliti kontrak	25	30	48
		422	939
Aset semasa bersih		1,953	2,949
Liabiliti bukan semasa			
Lain-lain liabiliti jangka panjang	31	723	774
Liabiliti cukai tertunda	21	159	135
Pembiayaan dan pinjaman	29	2,778	2,964
Penghutang perdagangan dan lain-lain	30	62	-
Liabiliti pajakan	28	3	5
		3,725	3,878
Jumlah liabiliti		4,147	4,817
Aset bersih		5,444	5,027
Ekuiti			
Rizab modal	32(a)	-	55
Rizab penilaian semula aset	32(b)	160	160
Rizab hasil	32(e)	5,284	4,812
Jumlah ekuiti		5,444	5,027
Jumlah ekuiti dan liabiliti		9,591	9,844

Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Rizab modal	Rizab penilaian semula	Rizab hasil	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2025	55	160	4,812	5,027
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	481	481
Pendapatan komprehensif lain-lain				
Pelarasan kepada rizab hasil	(55)	-	55	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	(55)	-	536	481
Transaksi dengan pemilik				
Pengagihan kepada Kerajaan Negeri	-	-	(64)	(64)
Pada 31 Disember 2025	-	160	5,284	5,444
Pada 1 Januari 2024	55	160	4,212	4,427
Keuntungan selepas cukai dan pendapatan komprehensif lain-lain	-	-	634	634
Transaksi dengan pemilik				
Pengagihan kepada Kerajaan Negeri	-	-	(34)	(34)
Pada 31 Disember 2024	55	160	4,812	5,027

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	2025	2024
KEGIATAN OPERASI		
Keuntungan sebelum cukai dari operasi berterusan	507	749
Pelarasan-pelarasan:		
Harta, loji dan kelengkapan		
Hapuskira	5	-
Susutnilai	6	4
Susutnilai hak penggunaan aset	3	3
Hartanah pelaburan:		
Perubahan dalam nilai saksama	(47)	(170)
Hapuskira	8	-
Keuntungan atas pelupusan aset dipegang untuk dijual	(410)	(245)
Perubahan nilai saksama bagi aset kewangan melalui untung atau rugi	(2)	2
Keuntungan daripada pelupusan anak syarikat	-	(1,020)
Elaun rosotnilai:		
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	-	670
Penghutang perdagangan dan lain-lain	83	331
Pendapatan dividen	(232)	(426)
Pelunasan:		
Geran kerajaan	(4)	(5)
Sewaan tanah pajakan	(17)	(17)
Pembalikan rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	(9)	(49)
Peruntukan nilai masa wang	3	-
Perbelanjaan faedah	150	173
Pendapatan faedah	(26)	(30)
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	18	(30)
Perubahan dalam modal kerja		
Inventori	24	34
Penghutang	349	264
Aset kontrak	31	(25)
Pemiutang	(486)	(139)
Liabiliti kontrak	(18)	(28)
Syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	(2)	3
Tunai (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan operasi	(84)	79
Pemulangan cukai	1	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan operasi	(83)	79

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	2025	2024
KEGIATAN PELABURAN		
Pengambilalihan tambahan kepentingan dalam anak-anak syarikat	(50)	-
Dividen diterima daripada anak-anak syarikat	170	426
Faedah diterima	26	30
Pembelian harta, loji dan kelengkapan	(3)	(7)
Pembelian hartanah pelaburan	-	(57)
Geran kerajaan diterima	5	4
Penurunan deposit dengan bank berlesen lebih dari 3 bulan	500	58
Tunai bersih dijana daripada kegiatan pelaburan	648	454
KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(186)	(101)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(3)	(3)
Faedah dibayar	(138)	(158)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	(64)	(34)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(391)	(296)
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	174	237
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	316	79
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	490	316
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Baki tunai dan bank	47	107
Simpanan tetap	443	709
	490	816
Simpanan tetap dengan bank berlesen lebih dari 3 bulan	-	(500)
	490	316

(a) Penyesuaian dividen diterima ke aliran tunai timbul daripada aktiviti pelaburan:

Johor Corporation 2025	Perubahan bersih daripada aliran tunai pelaburan	Penghutang Lain	Pada 31 December 2025
Pendapatan dividen	170	62	232

(b) Penyesuaian faedah ke aliran tunai timbul daripada aktiviti pembiayaan adalah seperti berikut:

Johor Corporation 2025	Perubahan bersih daripada aliran tunai pembiayaan	Pembiayaan dan pinjaman	Pada 31 December 2025
Perbelanjaan faedah	114	36	150

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation, 1968 (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Johor Corporation, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 13, Menara KOMTAR
80888 Ibrahim International Business District
Johor
Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 meliputi Johor Corporation dan anak-anak syarikatnya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usahasama.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah pembangunan dan pengurusan hartanah, dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terutamanya terdiri daripada perniagaantani, kesihatan dan penjagaan kesihatan, hartanah dan infrastruktur, restoran khidmat cepat dan teknologi dan perniagaan digital.

2. ASAS PENYEDIAAN

2.1 Pernyataan Pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") di Malaysia dan IFRS.

Berikut adalah piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan MFRS yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Johor Corporation:

MFRS, tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025

- Pindaan MFRS 121, *Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing – Kekurangan Pertukaran*

Standard Perakaunan MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2026

- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan* dan MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan – Pengelasan dan Pengukuran Instrumen Kewangan*
- Pindaan yang merupakan sebahagian daripada Penambahbaikan Tahunan — Jilid 11:
 - Pindaan kepada MFRS 1, *Penggunaan Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia*
 - Pindaan kepada MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan*
 - Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan*
 - Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Tersatupadu*
 - Pindaan kepada MFRS 107, *Penyata Aliran Tunai*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan* dan MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan – Kontrak yang Merujuk kepada Elektrik Bergantung kepada Alam Semula Jadi*

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

2.1 Pernyataan Pematuhan (sambungan)

Standard Perakaunan MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2027

- MFRS 18, *Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan*
- MFRS 19, *Subsidiari tanpa Kebertanggungjawaban Awam: Pendedahan*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, Penyata Kewangan Tersatupadu dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Samanya

Kumpulan dan Johor Corporation berhasrat untuk mengaplikasikan piawaian perakaunan, pentafsiran dan pindaan, jika berkenaan, apabila berkuat kuasa.

Penggunaan awal piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan dijangka tidak mempunyai apa-apa kesan kewangan material kepada tempoh semasa atau penyata kewangan tempoh sebelumnya Kumpulan dan Johor Corporation, kecuali MFRS 18.

2.2 Asas Pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali perkara-perkara berikut, yang diukur berdasarkan asas pengukuran yang dinyatakan di bawah:

Item	Asas pengukuran	Nota
Instrumen kewangan derivatif	Nilai saksama	Nota 22(c)
Instrumen kewangan bukan derivatif di FVTPL	Nilai saksama	Nota 22(c)
Sekuriti hutang dan ekuiti di FVOCI	Nilai saksama	Nota 22 (b)
Hartanah pelaburan	Nilai saksama	Nota 15
Harta prisihat	Nilai saksama	Nota 12

2.3 Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian Perbadanan. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada juta terdekat (RM juta), kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.4 Penggunaan anggaran dan penghakiman

Penyediaan penyata kewangan yang sesuai dengan MFRS memerlukan pengurusan untuk membuat penghakiman, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset, dan liabiliti yang dilaporkan. Hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa depan terjejas.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

2.4 Penggunaan anggaran dan penghakiman (sambungan)

Tidak ada bidang ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal yang signifikan dalam menerapkan dasar perakaunan yang mempunyai kesan yang signifikan terhadap jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang didedahkan dalam nota berikut:

- Nota 3 – Pengiktirafan hasil
- Nota 15 – Penilaian hartanah pelaburan
- Nota 18 – Mengawal penilaian berhubung dengan pelaburan dalam anak syarikat tertentu
- Nota 24 – Pengukuran kerugian kredit yang dijangkakan ("ECL")

3. HASIL

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2025	2024	2025	2024
Hasil daripada kontrak dengan pelanggan:				
Perniagaantani	1,756	1,602	-	-
Kesihatan dan penjagaan kesihatan	4,247	3,922	-	-
Hartanah dan infrastruktur	1,145	1,003	-	-
Lain-lain	292	317	209	302
	7,440	6,844	209	302
Hasil daripada sumber lain:				
Pendapatan dividen	2	3	232	426
Pendapatan sewa dan pendapatan pajakan tanah	184	114	32	31
	7,626	6,961	473	759

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

3. HASIL (SAMBUNGAN)

Pengasingan hasil daripada kontrak dengan pelanggan Kumpulan dan Johor Corporation:

Kumpulan 2025	Perniagaantani	Kesihatan dan penjagaan kesihatan	Hartanah dan infrastruktur	Lain-lain	Jumlah
Pasaran geografi:					
Malaysia	1,756	4,244	1,085	292	7,377
Lain-lain	-	3	60	-	63
	1,756	4,247	1,145	292	7,440
Masa pengiktirafan hasil:					
Pada satu tempoh masa	1,756	4,244	460	292	6,752
Dari masa ke masa	-	3	685	-	688
	1,756	4,247	1,145	292	7,440

Kumpulan 2024	Perniagaantani	Kesihatan dan Penjagaan Kesihatan	Hartanah dan infrastruktur	Lain-lain	Jumlah
Pasaran geografi:					
Malaysia	1,602	3,897	998	317	6,814
Lain-lain	-	25	5	-	30
	1,602	3,922	1,003	317	6,844
Masa pengiktirafan hasil:					
Pada satu tempoh masa	1,602	3,877	716	317	6,512
Dari masa ke masa	-	45	287	-	332
	1,602	3,922	1,003	317	6,844

Johor Corporation	2025	2024
Pasaran geografi:		
Malaysia	209	302
Masa pengiktirafan hasil:		
Pada satu tempoh masa	52	79
Dari masa ke masa	157	223
	209	302

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

3. HASIL (SAMBUNGAN)

Maklumat berikut mencerminkan transaksi tipikal Kumpulan:

Jenis barangan atau perkhidmatan	Masa pengiktirafan hasil atau kaedah yang digunakan untuk mengiktiraf hasil	Terma pembayaran yang ketara	Unsur pemboleh ubah dalam pertimbangan	Kewajipan untuk pemulangan atau bayaran balik
Perniagaantani	Pendapatan daripada jualan hasil pertanian dan barangan daripada operasi ini diiktiraf pada masa barang-barang dihantar, hakmilik undang-undang telah berlalu dan pelanggan telah menerima barangan tersebut.	Syarat kredit sehingga 90 hari dari tarikh invoices.	Penalti berkaitan dengan piawaian kematangan tanaman. Caj penalti akan dikenakan sekiranya kualiti CPO dan Pk berada di bawah tahap batas tertentu.	Tidak berkenaan.
Perkhidmatan dan penjagaan kesihatan	Hasil daripada pesakit dalam, pesakit luar dan pemberian vaksin diiktiraf pada satu ketika dalam masa kerana perkhidmatan diberikan atau barangan dihantar. Hasil daripada pakej kesihatan / penjagaan orang tua diiktiraf apabila kewajipan prestasi dipenuhi. Setiap perkhidmatan yang ditawarkan telah dikenal pasti sebagai kewajipan prestasi yang berasingan.	Bayaran pendahuluan atau deposit: Deposit diperlukan sebelum pesakit dimasukkan, terutamanya bagi prosedur elektif. Pengebilan insurans: Jika pesakit mempunyai insurans kesihatan, bil akan dikemukakan terus kepada syarikat insurans bagi perkhidmatan yang dilindungi. Pesakit bayar sendiri: Pesakit tanpa insurans dikehendaki membuat bayaran sama ada secara pendahuluan atau sejurus selepas menerima perkhidmatan.	Diskaun, rebat, bayaran balik dan item lain yang serupa. Hasil hanya akan diiktiraf setakat yang sangat berkemungkinan bahawa pembalikan ketara tidak akan berlaku, selepas ditolak diskaun.	
Hartanah dan infrastruktur (a) Hartanah	Hasil daripada pembangunan hartanah diiktiraf apabila kawalan aset dipindahkan kepada pelanggan.	Berdasarkan syarat-syarat bil yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli.	Rebat diberikan kepada pembeli semasa menandatangani perjanjian jual beli yang diakaunkan apabila terdapat kebarangkalian tinggi bahawa peristiwa tersebut akan berlaku.	

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

3. HASIL (SAMBUNGAN)

Maklumat berikut mencerminkan transaksi tipikal Kumpulan (sambungan):

Jenis barangan atau perkhidmatan	Masa pengiktirafan hasil atau kaedah yang digunakan untuk mengiktiraf hasil	Terma pembayaran yang ketara	Unsur pemboleh ubah dalam pertimbangan	Kewajipan untuk pemulangan atau bayaran balik
Hartanah dan Infrastruktur (sambungan)				
(b) Perindustrian	(i) Penjualan tanah dengan pembinaan kerja tanah dan kerja jalan diiktiraf dari semasa ke semasa menggunakan input atau output. (ii) Penjualan tanah dan hartanah yang telah siap diiktiraf pada masa apabila kawalan harta tanah telah dipindahkan kepada pembeli.	Berdasarkan peristiwa penting yang telah dipersetujui mengikut kontrak. Berdasarkan syarat-syarat bil yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli.	Tidak berkenaan	
Lain-lain	(i) Pendapatan dividen diterima daripada aset kewangan yang diukur di FVTPL dan di FVOCI. (ii) Pendapatan sewa dan pendapatan pajakan tanah diambil kira secara garis lurus berbanding syarat pajakan. (iii) Pendapatan faedah dikenal pasti menggunakan kaedah faedah berkesan. (iv) Hasil daripada jualan runcit pertanian, kerbau mekanikal, baja dan perkakasan komputer diiktiraf pada satu ketika apabila kawalan barangan telah dipindahkan kepada pelanggan.	Syarat kredit sehingga 90 hari dari tarikh invoice.	Tidak berkenaan.	Tidak berkenaan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

3. HASIL (SAMBUNGAN)

Maklumat berikut mencerminkan transaksi tipikal Kumpulan (sambungan):

Harga transaksi yang diperuntukkan kepada baki obligasi prestasi (tidak berpuas hati atau sebahagiannya tidak berpuas hati) pada 31 Disember 2025.

- (a) Hasil daripada perkhidmatan pembangunan hartanah dan pembinaan masing-masing berjumlah RM325,763,000 (2024: RM256,203,000) dan RM14,334,000 (2024: RM16,074,000), adalah berkaitan dengan kontrak yang mempunyai tempoh melebihi satu tahun.
- (b) Perkhidmatan pengurusan fasiliti berjumlah RM64,098,000 (2024: RM165,215,000) dijangka akan diiktiraf sebagai hasil secara berperingkat sepanjang tahun 2026 hingga 2028 (2024: 2025 hingga 2028).
- (c) Perkhidmatan pengurusan projek berjumlah RM11,234,000 (2024: RM68,038,000) dijangka akan diiktiraf sebagai hasil secara berperingkat sepanjang tahun 2026 hingga 2029 (2024: 2024 hingga 2029).
- (d) Perkhidmatan pembersihan berjumlah RM 116,675,000 (2024: RM8,070,000) dijangka akan diiktiraf sebagai hasil secara berperingkat sepanjang tahun 2026 hingga 2029 (2024: 2025 hingga 2027).
- (e) Perkhidmatan pengurusan sisa pintar berjumlah RM1,815,000 (2024: RM5,123,000) dijangka akan diiktiraf sebagai hasil secara berperingkat sepanjang tahun 2026 hingga 2029 (2024: 2025 hingga 2027).

Kumpulan dan Johor Corporation menggunakan kesesuaian praktikal berikut:

- pengecualian ke atas pendedahan maklumat mengenai baki kewajipan prestasi yang mempunyai tempoh jangkaan asal satu tahun atau kurang.
- pengecualian untuk tidak menyesuaikan jumlah pertimbangan yang dijanjikan untuk kesan komponen pembiayaan yang penting apabila tempoh antara pemindahan barang atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dan apabila pelanggan membayar barangan atau perkhidmatan itu adalah satu tahun atau kurang.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

3. HASIL (SAMBUNGAN)

Penghakiman dan andaian penting yang timbul daripada pengiktirafan hasil

Kumpulan menggunakan pertimbangan dan andaian berikut yang memberi kesan ketara kepada penentuan jumlah dan masa pendapatan yang diiktiraf daripada kontrak dengan pelanggan.

(a) Pengiktirafan hasil bagi yuran perunding

Kumpulan sangat bergantung kepada sistem teknologi maklumat dalam menyumbang pendapatannya daripada perkhidmatan penjagaan kesihatan. Sistem maklumat sedemikian memproses jumlah data yang besar dengan gabungan produk dan perkhidmatan yang berbeza, yang terdiri daripada transaksi nilai rendah secara individu. Di samping itu, hospital Kumpulan melibatkan perunding perubatan dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggannya. Pertimbangan penting diperlukan untuk menilai pengaturan antara hospital dan perunding perubatannya untuk menentukan sama ada Kumpulan adalah prinsipal atau ejen dalam penyediaan perkhidmatan kepada pelanggannya, yang akan mempengaruhi sama ada pendapatan diiktiraf secara kasar atau bersih.

(b) Pengiktirafan hasil bagi aktiviti pembangunan hartanah

Kumpulan mengiktiraf beberapa aktiviti pembangunan hartanahnya dari masa ke masa atau berdasarkan peratusan kaedah penyiapan menggunakan kaedah input yang berdasarkan kos sebenar yang ditanggung setakat ini ke atas projek pembangunan hartanah berbanding jumlah kos yang diperuntukkan untuk projek pembangunan masing-masing.

Penghakiman penting diperlukan dalam menentukan kemajuan ke arah kepuasan penuh obligasi prestasi dan ini termasuk menentukan sejauh mana kos pembangunan hartanah yang ditanggung dan jumlah anggaran kos pembangunan hartanah, yang seterusnya digunakan untuk menentukan peratusan penyiapan dan margin keuntungan kasar aktiviti pembangunan hartanah yang dijalankan oleh Kumpulan. Dalam membuat penilaian ini, pengurusan bergantung kepada pengalaman masa lalu dan kerja pakar.

Syarat-syarat kontrak pembangunan hartanah dan undang-undang yang terpakai untuk kontrak ini, akan menentukan sama ada kawalan harta tanah yang dijual dipindahkan dan hasil yang sepadan diiktiraf dari masa ke masa atau pada satu ketika.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

4. PENDAPATAN LAIN

Item berikut telah dimasukkan ke dalam pendapatan lain:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2025	2024	2025	2024
Pelunasan geran kerajaan (Nota 31)	8	104	4	5
Perubahan dalam nilai saksama:				
Hartanah pelaburan (Nota 15)	153	235	88	170
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian	-	-	4	1
Keuntungan atas pelupusan:				
Hartanah, loji dan peralatan	33	43	-	-
Subsidiari (Nota 18)	8	17	-	1,020
Hartanah pelaburan	-	1	-	-
Aset yang dipegang untuk dijual (Nota 27)	43	40	410	245
Pendapatan faedah	80	72	26	30
Geran kerajaan diterima	3	5	-	-
Pembalikan elaun untuk rosot nilai:				
Perdagangan dan penghutang lain	6	10	9	48
Penepian atau Penulisan semula pemiutang	35	6	35	-
Sewa diterima	10	11	-	-

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

5. LAIN-LAIN PERBELANJAAN

Item-item berikut telah diambilkira dalam lain-lain perbelanjaan:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2025	2024	2025	2024
Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan telah mengeluarkan kira-kira 1,129,804 metrik tan ("MT") (2024: 1,130,253 MT) tandan buah segar ("FFB"), 741 MT (2024: 1,515 MT) nanas, serta 290 ekor lembu (2024: 453 ekor) dan NIL (2024: 1,134 ekor) ekor biri-biri.

Setakat 31 Disember 2025, FFB yang belum dituai, nanas dan lembu yang belum dijual milik Kumpulan yang digunakan dalam pengiraan nilai saksama masing-masing adalah sebanyak 42,603 MT (2024: 30,985 MT), NIL (2024: 1,069 MT) dan 6,847 ekor (2024: 7,668 ekor). Kaedah yang digunakan oleh Kumpulan dalam menentukan nilai saksama bagi setiap kelas aset biologi adalah seperti berikut:

Kumpulan telah mengambil kira kandungan minyak bagi semua FFB yang belum masak dari minggu selepas pendebungaan sehingga minggu sebelum penuaian. Oleh kerana kandungan minyak meningkat secara eksponen dalam tempoh 2 minggu sebelum penuaian, FFB yang berusia lebih daripada 2 minggu sebelum dituai tidak dimasukkan dalam penilaian kerana nilai saksamanya dianggap tidak ketara. Nilai saksama FFB dikira berdasarkan pendekatan hasil yang mengambil kira nilai semasa bersih bagi semua aliran tunai bersih yang boleh diatribusikan secara langsung termasuk caj aset penyumbang tersirat dan julat harga FFB pada akhir tahun kewangan iaitu antara RM881 hingga RM921 (2024: RM1,043 hingga RM1,103) per MT.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

16. ASET BIOLOGI (SAMBUNGAN)

Penilaian aset biologi (sambungan)

Nilai saksama ternakan adalah berdasarkan penilaian Kumpulan terhadap umur dan nilai pasaran ternakan tersebut, yang mana bagi lembu adalah dalam lingkungan RM1,000 hingga RM5,550 (2024: RM1,500 hingga RM4,950) setiap ekor, manakala bagi biri-biri adalah NIL (2024: RM400 hingga RM1,950) bagi setiap ekor.

Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan telah membeli 1,000 ekor lembu (2024: NIL). Pada 31 Disember 2025, nilai saksama ternakan berdasarkan penilaian Kumpulan terhadap umur dan nilai pasaran ternakan adalah sebanyak RM11,180 (2024: NIL) bagi setiap ekor lembu.

Analisis kepekaan

Sekiranya harga jualan FFB, nanas dan ternakan berubah sebanyak 5%, kerugian Kumpulan akan meningkat atau menurun masing-masing sebanyak kira-kira RM1.71 juta (2024: RM1.67 juta), NIL (2024: RM0.95 juta), RM1.32 juta (2024: RM0.94 juta) dan RM NIL.

Maklumat Dasar Perakaunan Material

(a) Pengukuran

Aset biologi merangkumi ternakan, hasil yang sedang membesar pada tumbuhan induk dan aset biologi lain. Aset biologi diukur pada nilai saksama selepas ditolak kos untuk menjual. Sebarang untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama selepas ditolak kos untuk menjual diiktiraf dalam penyata untung atau rugi. Nilai saksama ditentukan berdasarkan kaedah nilai semasa keluaran yang dijangka dan anggaran harga pasaran aset biologi tersebut.

(b) Klasifikasi

Aset biologi diklasifikasikan sebagai aset semasa bagi tumbuhan induk yang dijangka akan dituai dan ternakan yang dijangka akan dijual atau digunakan untuk pengeluaran dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Baki selebihnya diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

17. ASET TIDAK ZAHIR

Kumpulan	Muhibah	Perbelanjaan perisian	Perbelanjaan perisian dalam pembangunan	Lain-lain	Jumlah
Kos:					
Pada 1 Januari 2024	231	73	2	15	321
Tambahan	-	-	7	6	13
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	231	73	9	21	334
Pada 31 Disember 2025	231	73	9	21	334
Pelunasan dan rosotnilai terkumpul:					
Pada 1 Januari 2024	37	66	-	8	111
Pelunasan (Nota 5)	-	3	-	1	4
Rosotnilai	5	-	-	-	5
Pelarasan	17	-	-	-	17
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	59	69	-	9	137
Pelunasan (Nota 5)	-	1	-	2	3
Pelarasan	13	-	-	-	13
Pada 31 Disember 2025	72	70	-	11	153
Amaun dibawa bersih:					
Pada 31 Disember 2024	172	4	9	12	197
Pada 31 Disember 2025	159	3	9	10	181

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

17. ASET TIDAK ZAHIR (SAMBUNGAN)

Ujian rosotnilai untuk aset tidak zahir yang mempunyai jangka hayat yang tidak menentu

Bagi tujuan ujian rosotnilai, aset tidak zahir yang mempunyai jangka hayat yang tidak menentu telah diagihkan kepada Unit-Unit Penajaan Tunai ("CGU") berikut:

	Kumpulan 2025	2024
Perkhidmatan kesihatan	159	172
	159	172

Nilai boleh diperolehi semula CGU ditentukan berdasarkan pengiraan nilai saksama ditolak kos pelupusan (Tahap 3 nilai saksama hierarki). Pengiraan ini menggunakan unjuran aliran tunai berdasarkan belanjawan kewangan yang diluluskan oleh Pengarah meliputi tempoh lima tahun. Aliran tunai melebihi tempoh lima tahun dijangka menggunakan kadar pertumbuhan anggaran yang dinyatakan di bawah.

Andaian-andaian utama yang digunakan adalah seperti berikut:

	2025 %	2024 %
Hasil	8 - 13	8 - 24
Margin pendapatan sebelum faedah, cukai, susutnilai dan pelunasan ("EBITDA") ²	23.4 – 24.0	24.5 – 26.0
Kadar diskaun ³	12	12
Kadar pertumbuhan terminal ⁴	2	2

Andaian:

1. Berdasarkan kepada julat hasil
2. Margin EBITDA ke atas tempoh bajet
3. Pasca cukai didiskaun digunapakai untuk unjuran aliran tunai
4. Kadar pertumbuhan terminal digunakan untuk membuat anggaran aliran tunai melebihi tempoh bajet

Margin hasil dan EBITDA berdasarkan jangkaan pembangunan pasaran. Kadar selepas cukai didiskaun yang digunakan adalah berdasarkan syarikat penjagaan kesihatan yang boleh dibandingkan dan diselaraskan untuk risiko unjuran. Kadar pertumbuhan terminal tidak melebihi kadar pertumbuhan purata jangka panjang bagi CGU kumpulan yang berkenaan.

Sebarang perubahan munasabah terhadap andaian utama di atas tidak akan menyebabkan nilai CGU kurang daripada nilai dibawa.

Maklumat dasar perakaunan material

(a) Pengiktirafan dan pengukuran

Aset tidak ketara, selain muhibah, yang mempunyai hayat berguna yang terhad, diukur pada kos selepas ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

17. ASET TIDAK ZAHIR (SAMBUNGAN)

Maklumat dasar perakaunan material (sambungan)

(b) Pelunasan

Pelunasan diiktiraf dalam penyata keuntungan atau kerugian secara garis lurus ke atas anggaran aset seperti berikut:

Perbelanjaan perisian	5 tahun
Lain-lain	1 - 2 tahun

(c) Rosotnilai – tambahan

Aset tidak zahir dinilai bagi rosotnilai apabila terdapat penunjuk bahawa amaun dibawa mungkin tidak boleh pulih. Di samping itu, aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terhad serta aset tak zahir yang belum sedia untuk digunakan diuji bagi rosotnilai setiap tahun.

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

	Johor Corporation	
	2025	2024
Saham, pada kos:		
Saham tersiar harga di Malaysia	373	324
Saham tidak tersiar harga di Malaysia	3,350	3,176
Saham keutamaan tidak bercagar	1,797	1,802
Amaun terhutang daripada anak-anak syarikat	1,058	420
Pada 31 Disember	6,578	5,722
Tolak: Rosotnilai terkumpul		
Rosotnilai terkumpul, pada 1 Januari	(1,908)	(1,405)
Caj tahun kewangan semasa (Nota 5)	-	(670)
Hapuskira	6	-
Pelupusan anak syarikat	-	167
Pada 31 Disember	(1,902)	(1,908)
Amaun bawaan pada 31 Disember	4,676	3,814
Nilai pasaran saham tersiar harga	4,258	3,803

Maklumat mengenai pelaburan dalam anak syarikat

Saham keutamaan tidak bercagar telah diterbitkan oleh anak syarikat yang berlainan dengan ciri-ciri ekuiti seperti berikut:

- Boleh tukar dan tidak boleh tukar
- Kumulatif dan bukan kumulatif
- Boleh tebus dan tidak boleh tebus

Amaun terhutang daripada anak-anak syarikat yang tidak dijangka akan dibayar balik dalam masa terdekat dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan Johor Corporation dalam anak-anak syarikat.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Maklumat kepentingan bukan kawalan material (NCI)

Ringkasan maklumat kewangan KPJ Healthcare Berhad, Al-'Aqar Healthcare REIT, Al-Salam REIT dan Johor Plantations Group Berhad yang mempunyai kepentingan bukan kawalan yang material kepada Kumpulan seperti dinyatakan di bawah. Ringkasan maklumat kewangan yang dinyatakan di bawah ialah amaun sebelum penghapusan hutang dan urus niaga antara syarikat. Lain-lain anak syarikat yang mempunyai kepentingan bukan kawalan adalah tidak ketara secara individu kepada Kumpulan.

(i) Anak-anak syarikat Kumpulan yang mempunyai kepentingan bukan kawalan material ("NCI") adalah seperti berikut:

Kumpulan	KPJ Healthcare Berhad		Al-'Aqar Healthcare REIT		Al-Salam REIT		Johor Plantations Group Berhad	
	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024
Peratusan pemilikan kepentingan NCI	61.51%	61.57%	86.70%	86.73%	52.11%	42.65%	35.57%	35.00%
Amaun dibawa NCI	1,848	1,685	910	914	373	310	1,085	989
Keuntungan diperuntukkan kepada NCI	247	225	49	50	8	2	122	90
Lain-lain pendapatan komprehensif diperuntukkan kepada NCI	33	33	(3)	(10)	-	-	(1)	-

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

(ii) Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan

	KPJ Healthcare Berhad		Al-'Aqar Healthcare REIT		Al-Salam REIT		Johor Plantations Group Berhad	
	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024
Aset bukan semasa	6,049	5,799	1,879	1,654	1,215	1,203	4,482	4,272
Aset semasa	1,996	1,604	208	182	100	114	923	688
Jumlah aset	8,045	7,403	2,087	1,836	1,315	1,317	5,405	4,960
Liabiliti semasa	1,316	1,297	646	116	143	67	279	253
Liabiliti bukan semasa	3,724	3,369	392	666	521	602	2,077	1,881
Jumlah liabiliti	5,040	4,666	1,038	782	664	669	2,356	2,134
Aset bersih	3,005	2,737	1,049	1,054	651	648	3,049	2,826
Ekuiti dikaitkan kepada pemilikan anak syarikat	2,758	2,537	1,050	1,054	651	648	2,994	2,818
Kepentingan bukan kawalan	247	200	-	-	-	-	56	8
Jumlah ekuiti	3,005	2,737	1,050	1,054	651	648	3,050	2,826

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

(iii) Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif

	KPJ Healthcare Berhad		Al-'Aqar Healthcare REIT		Al-Salam REIT		Johor Plantations Group Berhad	
	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024
Hasil	4,258	3,899	120	117	89	78	1,725	1,525
Keuntungan tahun kewangan	402	366	56	58	14	5	343	256
Keuntungan boleh agih kepada pemilik syarikat	367	354	56	58	14	5	345	257
Keuntungan/(kerugian) boleh agih kepada kepentingan bukan kawalan	35	53	-	-	-	-	(2)	(1)
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif	30	(7)	(3)	(12)	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	432	400	53	46	14	5	343	256
Jumlah pendapatan komprehensif boleh agih kepada pemilik syarikat	379	347	56	58	14	5	345	257
Jumlah pendapatan komprehensif boleh agih kepada kepentingan bukan kawalan	53	53	(3)	(12)	-	-	(2)	(1)
	432	400	53	46	14	5	343	256
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	4	4	7	8	-	-	-	-

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

(iv) Ringkasan Penyata Aliran Tunai

	KPJ Healthcare Berhad		Al-'Aqar Healthcare REIT		Al-Salam REIT		Johor Plantation Group Berhad	
	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024
Tunai bersih dijana daripada kegiatan operasi	893	840	107	96	62	42	598	494
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pelaburan	13	(227)	(243)	13	14	(1)	(209)	(283)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan kewangan	(504)	(570)	152	(101)	(61)	(44)	(37)	(15)
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	402	43	16	8	15	(3)	352	196

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

2025

(a) Perolehan kepentingan tambahan dalam anak syarikat

(i) **KPJ Healthcare Berhad. ("KPJ")**

Pada 25 Ogos 2025 Johor Corporation telah memperoleh tambahan 17,793,594 saham dalam KPJ Healthcare Berhad ("KPJ"), dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM49 juta. Dengan perolehan ini, Kumpulan kini memegang 36.27% kepentingan ekuiti dalam KPJ.

(ii) **Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")**

Pada 26 Disember 2025, Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") telah menerbitkan 596 juta saham biasa pada harga RM0.25 sesaham dengan nilai sebanyak RM149 juta sebagai sebahagian daripada pertimbangan bagi perolehan estet daripada Johor Corporation.

(iii) **JLG Investment Holdings Sdn Bhd ("JLGIH")**

Pada 31 Mac 2025, JLG Investment Holdings Sdn. Bhd. ("JLGIH") telah menerbitkan 25,613,280 saham biasa pada harga RM1 sesaham dengan nilai sebanyak RM25 juta sebagai sebahagian daripada pertimbangan bagi perolehan 300 ekar tanah Kuala Kabung daripada Johor Corporation.

(b) Pelupusan kepentingan dalam anak syarikat

KPJ Healthcare Berhad. ("KPJ")

(i) **KPJ Dhaka (Pte) Ltd ("Dhaka")**

Pada 19 Jun 2025, Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn. Bhd. ("KPJSB"), sebuah subsidiari milik penuh KPJ Healthcare Berhad, telah menyelesaikan pelupusan keseluruhan 100% kepentingan ekuiti dalam KPJ Dhaka (Pte) Ltd dengan pertimbangan tunai berjumlah BDT1 juta (bersamaan RM34,000).

	Dhaka RM'000
Hasil jualan	34
Tolak: Amaun bawaan liabiliti bersih yang dilupuskan	3,177
Keuntungan atas pelupusan	3,211
Pertimbangan pembelian diselesaikan dengan tunai	34
Tolak: Tunai dan tunai yang dilupuskan	1,799
Aliran keluar tunai Kumpulan daripada pelupusan	(1,765)

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

(b) Pelupusan kepentingan dalam anak syarikat

Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB")

Pada 21 Oktober 2025, Syarikat telah melupuskan 9% pegangan ekuiti dalam Al-Salam, yang mengakibatkan pegangan ekuitinya berkurangan daripada 48% kepada 39%. Lembaga Pengarah telah menilai bahawa Kumpulan masih mengekalkan kawalan ke atas Al-Salam selepas pelupusan tersebut dan transaksi berkenaan telah diakaunkan sebagai transaksi ekuiti. Kumpulan telah mengiktiraf peningkatan dalam kepentingan bukan kawalan sebanyak RM61,654,138 dan pengurangan dalam perolehan tertahan sebanyak RM37,734,477.

2024

(a) Perolehan kepentingan tambahan dalam anak syarikat

KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")

Pada 5 Ogos 2024, Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn. Bhd. ("KPJSB") telah memperoleh tambahan 6,500,000 saham biasa baharu dalam Perlis Specialist Hospitals Sdn. Bhd. ("PSHSB"), mewakili 20% kepentingan ekuiti, dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM8.9 juta. Selepas perolehan ini, Kumpulan kini memegang 100% kepentingan ekuiti dalam PSHSB.

(b) Pelupusan anak syarikat

Johor Corporation

(i) **JLG Land Berhad ("JLAND")**

Pada 18 Disember 2024, Johor Corporation telah melupuskan keseluruhan pegangannya dalam JLAND dengan hasil pelupusan sebanyak RM1,352 juta dan nilai dibawa sebanyak RM386 juta kepada JLGIH.

(ii) **JLG Technopark Sdn Bhd ("TPM")**

Pada 18 Disember 2024, Johor Corporation telah melupuskan keseluruhan pegangannya dalam TPM dengan hasil pelupusan sebanyak RM272 juta dan nilai dibawa sebanyak RM218 juta kepada JLGIH.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

(b) Pelupusan anak syarikat (sambungan)

Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")

(i) Danamin (M) Sdn. Bhd ("Danamin")

Pada 1 Julai 2024, Kumpulan dan Syarikat telah menyempurnakan pelupusan Danamin (M) Sdn. Bhd. dengan jumlah pertimbangan pembelian berjumlah RM13.5 juta. Pelupusan ini selaras dengan keputusan Kumpulan untuk merasionalisasikan aktiviti perniagaan dan asas asetnya dengan memberi tumpuan kepada kekuatan dan kepakaran Kumpulan dalam sektor minyak sawit dan perniagaan berkaitan. Sehubungan itu, Danamin (M) Sdn. Bhd. tidak lagi menjadi anak syarikat Kumpulan.

Pelupusan tersebut mempunyai kesan terhadap aset dan liabiliti Kumpulan pada tarikh pelupusan:

	Danamin RM'juta
Pada 30 Jun 2024	
Harta, loji dan kelengkapan	19.69
Hak penggunaan aset	0.70
Inventori	0.22
Penghutang	2.98
Tunai dan kesetaraan tunai	4.33
Pinjaman	(4.1)
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	(1.19)
Liabiliti pajakan	(0.03)
Cukai	(0.01)
Aset bersih dikaitkan kepada Kumpulan	22.59
Tunai daripada pelupusan	12.00
Kerugian daripada pelupusan kepada Kumpulan	10.59
Aliran keluar tunai akibat pelupusan:	
Pertimbangan tunai	2.70
Pelupusan tunai dan kesetaraan tunai	(4.33)
Aliran keluar tunai bersih daripada pelupusan	(1.63)

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

(b) Pelupusan anak syarikat (sambungan)

Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)

(ii) KARA Holdings Sdn. Bhd. ("KARA")

Pada 15 Januari 2024, Kumpulan dan Syarikat telah melantik pelikuidasi untuk KARA Holdings Sdn Bhd bagi tujuan penggulungan oleh pemiutang dan transaksi tersebut dianggap sebagai pelupusan kepada kumpulan.

Pelupusan tersebut mempunyai kesan terhadap aset dan liabiliti Kumpulan pada tarikh pelupusan:

	KARA RM'juta
Pada 1 Januari 2024	
Harta, loji dan kelengkapan	7.26
Hak penggunaan aset	5.26
Inventori	0.40
Penghutang	8.47
Tunai dan kesetaraan tunai	1.07
Pinjaman	(0.41)
Liabiliti cukai tertunda	0.31
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	(33.91)
Liabiliti pajakan	(4.85)
Liabiliti bersih dikaitkan kepada Kumpulan	(16.40)
Tunai daripada pelupusan	-
Keuntungan daripada pelupusan kepada Kumpulan	(16.40)
Aliran keluar tunai akibat pelupusan:	
Pertimbangan tunai	-
Pelupusan tunai dan kesetaraan tunai	(1.07)
Aliran keluar tunai bersih daripada pelupusan	(1.07)

KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")

(i) Fabricare Laundry Sdn. Bhd. ("FLSB")

Pada 11 Disember 2024, KPJSB telah menyempurnakan pelupusan keseluruhan 98% kepentingan ekuitinya dalam Fabricare Laundry Sdn. Bhd. ("FLSB") dengan jumlah pertimbangan tunai sebanyak RM3.7 juta.

	FLSB RM'juta
Hasil jualan	3.68
Tolak: Amaun terkumpul kepentingan ekuiti yang dilupuskan	(3.44)
Keuntungan daripada pelupusan	0.24
Jumlah balasan pembelian yang diselesaikan secara tunai	3.68
Tolak: Tunai dan setara tunai yang dilupuskan	(0.06)
Aliran tunai masuk Kumpulan daripada pelupusan	3.62

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

(c) Pelupusan dianggap bagi syarikat subsidiari

Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")

Avangaad Berhad ("Avangaad") (yang dahulunya dikenali sebagai E. A. Technique (M) Berhad)

Sepanjang tahun kewangan 2024, Kumpulan melalui Avangaad Berhad ("Avangaad") (yang dahulunya dikenali sebagai E.A. Technique (M) Berhad) telah menyelesaikan pelan regularisasinya pada 26 Jun 2024 dan transaksi tersebut dianggap sebagai pelupusan kepada Kumpulan.

Pelupusan tersebut mempunyai kesan terhadap aset dan liabiliti Kumpulan pada tarikh pelupusan:

	Avangaad RM'juta
Pada 30 Jun 2024	
Harta, loji dan kelengkapan	428.00
Hak penggunaan aset	1.83
Aset cukai tertunda	0.48
Inventori	0.99
Penghutang	29.88
Tunai dan kesetaraan tunai	63.68
Pinjaman	(104.83)
Liabiliti cukai tertunda	(40.89)
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	(92.93)
Liabiliti pajakan	(2.48)
Rizab lain-lain	(0.62)
Aset bersih	283.11
Kepentingan bukan kawalan	(119.58)
Keuntungan daripada pengukuran semula kepentingan yang terkumpul	(46.46)
Aset bersih dikaitkan kepada Kumpulan	117.07
Tunai daripada pelupusan	-
Kerugian daripada pelupusan kepada Kumpulan	117.07
Aliran keluar tunai akibat pelupusan:	
Pertimbangan tunai	-
Pelupusan tunai dan kesetaraan tunai	(63.68)
Aliran keluar tunai bersih daripada pelupusan	(63.68)

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

(c) Pelupusan dianggap bagi syarikat subsidiari (sambungan)

Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)

Avangaad Berhad ("Avangaad") (yang dahulunya dikenali sebagai E. A. Technique (M) Berhad) (sambungan)

Keputusan pelupusan operasi yang dihentikan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Avangaad RM'juta
Hasil	61.81
Kos jualan	(17.03)
Lain-lain pendapatan	54.35
Perbelanjaan pentadbiran dan lain-lain	(64.38)
Kos kewangan	(3.33)
Keuntungan sebelum cukai	31.42
Cukai	(44.41)
Kerugian pada tahun semasa daripada operasi yang dihentikan	(13)
Kerugian daripada pelupusan kepada Kumpulan	(116.15)
Kerugian bersih bagi tahun semasa daripada operasi yang dihentikan	(129.15)

(d) Pencairan kepentingan dalam subsidiari

Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")

(i) Johor Plantations Group Berhad ("JPG")

Pada 9 Julai 2024, Kumpulan dan Syarikat melalui Johor Plantations Group Berhad ("JPG") telah berjaya disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada harga tawaran awam permulaan sebanyak RM0.84 sesaham. Selepas penyenaraian tersebut, kepentingan pemilikan Kumpulan dalam subsidiari telah menurun daripada 100% kepada 65%.

Transaksi di atas memberi kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Kumpulan dan Syarikat, dengan peningkatan dalam kepentingan bukan kawalan berjumlah RM820.24 juta.

(ii) JPG Fuji Sdn. Bhd. ("JPGF") (formerly known as JPG Refinery Sdn. Bhd.)

Pada 30 Januari 2024, Kumpulan telah menubuhkan sebuah anak syarikat baharu, JPG Fuji Sdn. Bhd. ("JPGF") (yang dahulunya dikenali sebagai JPG Refinery Sdn. Bhd.) dengan modal diterbitkan dan berbayar sebanyak 2 saham biasa pada nilai tara RM1 setiap satu, berjumlah RM2. Pada 27 Mac 2024, JPGF telah menerbitkan tambahan 98 saham biasa baharu pada harga RM1 setiap satu, di mana 49 saham biasa yang diterbitkan telah dilanggan oleh Kumpulan, menjadikan pemilikan berkesan Kumpulan dalam JPGF sebanyak 51%.

Pada 12 Julai 2024, JPGF telah menerbitkan 20,000,000 saham biasa baharu pada harga RM1 setiap satu, di mana 10,200,000 saham telah dilanggan oleh Kumpulan.

Susulan penyenaraian JPG, kepentingan pemilikan Kumpulan dalam JPGF telah menurun daripada 51% kepada 33.15%, dengan peningkatan dalam kepentingan bukan kawalan berjumlah RM13.37 juta.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

18. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Penghakiman berhubung dengan kawalan subsidiari

(a) Pelaburan dalam KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")

Para Pengarah menganggap bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ walaupun ia memiliki kurang daripada 50% hak mengundi.

Kumpulan merupakan pemegang saham utama KPJ dengan 38.50% kepentingan ekuiti. Pemegang saham kedua, ketiga, dan keempat terbesar adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), Waqaf An-Nur Corporation Berhad dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang memiliki 13.06%, 6.40%, dan 5.35% masing-masing daripada saham ekuiti KPJ. Semua pemegang saham lain memiliki kurang daripada 5% saham ekuiti KPJ secara individu. Secara historis, pemegang saham lain tidak membentuk kumpulan untuk melaksanakan undian mereka secara kolektif.

Para Pengarah menilai bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ. Oleh itu, mengikut keperluan MFRS 10, KPJ adalah anak syarikat Syarikat.

(b) Pelaburan dalam Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar")

Pada 31 Disember 2025, Syarikat dan anak-anak syarikat secara kolektif memegang 34.51% kepentingan ekuiti dalam Al-'Aqar.

Al-'Aqar adalah di bawah kawalan JLG REIT Managers Sdn. Bhd., pengurus dana dan pengurusan pelaburan hartanah sebenar Kumpulan. Oleh itu, pengurus dana mempunyai kuasa membuat keputusan untuk mengarahkan aktiviti berkaitan Al-'Aqar. Walau bagaimanapun, keputusan yang mempengaruhi pendedahan keseluruhan Kumpulan terhadap pulangan perubahan akan dibuat demi kepentingan terbaik Kumpulan.

Para Pengarah menilai bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas Al-'Aqar. Oleh itu, mengikut keperluan MFRS10, Al-'Aqar adalah sebuah subsidiari Syarikat.

Maklumat dasar perakaunan material

Pelaburan dalam anak-anak syarikat diukur dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan pada kos, ditolak sebarang kerugian rosot nilai.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

19. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan 2025	2024	Johor Corporation 2025	2024
Saham tidak tersiar harga di Malaysia, pada kos	110	151	4	4
Saham tidak tersiar harga di luar Malaysia	55	55	-	-
Bahagian keuntungan terkumpul selepas pengambilalihan dan rizab tolak kerugian	173	227	-	-
	338	433	4	4
Nilai pasaran saham tersiar	-	84	-	-

Maklumat mengenai syarikat bersekutu

(a) Butiran syarikat bersekutu Kumpulan adalah seperti berikut:

	Negara diperbadankan utama	Kegiatan	Peratus kepentingan pegangan dalam Kumpulan*	2025	2024	Kaedah perakaunan digunakan
Pegangan melalui Johor Corporation:						
Panca Pesona Sdn. Bhd.	Malaysia	Pemaju tanah perindustrian dan hartanah	40.00%	40.00%		Kaedah ekuiti
Pegangan melalui anak syarikat:						
Bertam Properties Sdn. Bhd.	Malaysia	Pembangunan hartanah	20.00%	20.00%		Kaedah ekuiti
Cenergi JLG Sdn. Bhd	Malaysia	Beroperasi sebagai fasiliti penjanaan yang menghasilkan tenaga elektrik dan pemasangan pengumpul tenaga solar bukan elektrik	35.00%	35.00%		Kaedah ekuiti
Revertex (Malaysia) Sdn. Bhd.	Malaysia	Pemprosesan bahan- bahan getah dan kimia	30.07%	30.07%		Kaedah ekuiti

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

19. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Maklumat mengenai syarikat bersekutu (sambungan)

(a) Butiran syarikat bersekutu Kumpulan adalah seperti berikut (sambungan):

			Peratus kepentingan pegangan dalam Kumpulan*	Kaedah perakaunan digunakan	
Negara diperbadankan utama		Kegiatan	2025	2024	
Pegangan melalui anak syarikat (sambungan):					
Kedah Medical Centre Sdn. Bhd.	Malaysia	Beroperasi sebagai hospital pakar	45.66%	45.67%	Kaedah ekuiti
Vejthani Public Company Limited	Thailand	Hospital pakar antarabangsa	23.37%	23.37%	Kaedah ekuiti
DAC Properties Sdn. Bhd.	Malaysia	Pembangunan projek bangunan untuk operasi sendiri	30.00%	30.00%	Kaedah ekuiti
Avangaad Berhad	Malaysia	Penyediaan perkhidmatan pengangkutan laut dan perkhidmatan berkaitan	20.99%	20.99%	Kaedah ekuiti
Axiata Digital Innovation Fund Sdn. Bhd.	Malaysia	Pegangan pelaburan	12.44%	12.44%	Kaedah ekuiti

* Bersamaan dengan perkadaran pegangan hak mengundi.

Syarikat bersekutu mempunyai tempoh laporan yang sama seperti Kumpulan.

Sepanjang tahun kewangan, pelaburan Kumpulan dalam Avangaad telah diklasifikasikan semula daripada pelaburan yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti kepada aset dipegang untuk jualan menurut MFRS 5, berikutan komitmen pihak pengurusan Kumpulan terhadap pelan pelupusan pelaburan tersebut pada 24 April 2025. Usaha untuk menjual Avangaad telah dimulakan dan penjualan tersebut dijangka disempurnakan dalam tahun kewangan 2026.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

19. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Maklumat mengenai syarikat bersekutu (sambungan)

(a) Butiran syarikat bersekutu Kumpulan adalah seperti berikut (sambungan):

			Peratus kepentingan pegangan dalam Kumpulan*	Kaedah perakaunan digunakan	
	Negara diperbadankan utama	Kegiatan	2025	2024	
Pegangan melalui anak syarikat:					
Yayasan Johor Corporation*	Malaysia	Menerima, mengurus dan mentadbir dana bagi tujuan kebajikan	-	-	-
Waqaf An-Nur Corporation*	Malaysia	Penerima, pengurus dan pentadbir aset wakaf, serta bertindak sebagai <i>maukuf-alaihi</i> bagi saham dan bentuk sekuriti lain dalam entiti perniagaan	-	-	-
Koperasi Kumpulan Johor Corporation Berhad*	Malaysia	Menyediakan bantuan pembiayaan kepada ahlinya, menjalankan aktiviti peruncitan, pelaburan serta perkhidmatan pajak gadai Ar-Rahnu	-	-	-

* Entiti di mana Syarikat mempunyai pengaruh signifikan melalui pelantikan wakil-wakilnya ke dalam Lembaga Pemegang Amanah masing-masing.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

19. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

(b) Ringkasan maklumat kewangan di setiap syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan yang ketara adalah dinyatakan di bawah. Ringkasan maklumat kewangan mewakili jumlah dalam penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu dan bukan bahagian milik Kumpulan ke atas amaun tersebut.

(i) Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan

	Vejthani Public Company Limited		Bertam Properties Sdn. Bhd.		Revertex (Malaysia) Sdn. Bhd.		DAC Properties Sdn. Bhd.		Kedah Medical Centre Sdn. Bhd.	
	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024
Aset bukan semasa	596	602	210	256	44	42	102	102	117	114
Aset semasa	229	280	127	139	234	275	399	424	99	89
Jumlah aset	825	882	337	395	278	317	501	526	216	203
Liabiliti bukan semasa	100	132	70	64	1	1	-	-	73	72
Liabiliti semasa	129	140	65	65	50	47	238	277	32	28
Jumlah liabiliti	229	272	135	129	51	48	238	277	105	100
Aset bersih	596	610	202	266	227	269	263	249	111	103

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

19. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

(b) Ringkasan maklumat kewangan di setiap syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan yang ketara adalah dinyatakan di bawah. Ringkasan maklumat kewangan mewakili jumlah dalam penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu dan bukan bahagian milik Kumpulan ke atas amaun tersebut (sambungan).

(ii) Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif

	Vejthani Public Company Limited		Bertam Properties Sdn. Bhd.		Revertex (Malaysia) Sdn. Bhd.		DAC Properties Sdn. Bhd.		Kedah Medical Centre Sdn. Bhd.	
	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024
Hasil	509	467	93	89	168	197	76	132	156	155
Keuntungan daripada tahun kewangan operasi berterusan	119	62	13	11	(2)	74	13	28	14	19
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu pada tahun kewangan semasa	-	-	1	1	12	8	-	-	-	-

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

19. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

(b) Ringkasan maklumat kewangan di setiap syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan yang ketara adalah dinyatakan di bawah. Ringkasan maklumat kewangan mewakili jumlah dalam penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu dan bukan bahagian milik Kumpulan ke atas amaun tersebut (sambungan).

(iii) Penyesuaian ringkasan maklumat kewangan yang dinyatakan di atas kepada amaun dibawa kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu

	Vejthani Public Company Limited		Bertam Properties Sdn. Bhd.		Revertex (Malaysia) Sdn. Bhd.		DAC Properties Sdn. Bhd.		Kedah Medical Centre Sdn. Bhd.	
	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024
Aset bersih pada 1 Januari	610	467	195	190	269	220	249	221	102	91
Terbitan saham biasa	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Keuntungan tahun kewangan semasa	119	62	13	11	(1)	74	13	28	14	17
Perubahan dalam ekuiti	-	93	-	-	-	-	-	-	-	-
Dividen dibayar oleh syarikat bersekutu pada tahun kewangan semasa	(12)	(12)	(7)	(6)	(40)	(25)	-	-	(6)	(6)
Aset bersih pada 31 Disember	717	610	201	195	228	269	262	249	110	102
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	23.37%	23.37%	20.00%	20.00%	30.07%	30.07%	30.00%	30.00%	45.66%	45.67%
Aset bersih bahagian Kumpulan	168	143	40	39	69	81	78	75	50	47

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

19. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Maklumat dasar perakaunan material

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai dan bahagian dalam keputusan selepas perolehan.

Kumpulan mengguna pakai kaedah ekuiti bagi perakaunan pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu pada peringkat kumpulan, manakala kaedah kos digunakan pada peringkat Johor Corporation.

20. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

	Kumpulan 2025	2024
Pada kos		
Saham tidak tersiar harga dalam Malaysia	1,463	1,473
Saham tidak tersiar harga luar Malaysia	310	310
Bahagian keuntungan tertahan dan rizab selepas perolehan, ditolak kerugian	(100)	(127)
Rosotnilai terkumpul	(262)	(262)
	1,411	1,394

Maklumat mengenai usahasama

Kumpulan mempunyai hak mengundi dalam syarikat-syarikat usahasama dari 49% hingga 69% (2024: 51.00% hingga 56%). Di bawah pengaturan kontrak, persetujuan sebulat suara dikehendaki dari semua pihak untuk semua aktiviti yang berkaitan.

Pengaturan bersama disusun melalui entiti yang berasingan dan memberikan Kumpulan hak kepada aset bersih entiti di bawah pengaturan tersebut. Oleh itu entiti-entiti ini diklasifikasikan sebagai syarikat usahasama Kumpulan.

(a) Butiran syarikat usahasama Kumpulan adalah seperti berikut:

Nama	Negara diperbadankan	Peratus pemilikan kepentingan*		Kegiatan utama	Kaedah penggunaan perakaunan
		2025	2024		
QSR Brands (M) Holdings Bhd	Malaysia	56.00%	56.00%	Nota (i)	Kaedah ekuiti
Tepak Marketing Sdn. Bhd.	Malaysia	68.60%	68.59%	Nota (ii)	Kaedah ekuiti
Johor Concrete Products Sdn. Bhd.	Malaysia	51.00%	51.00%	Nota (iii)	Kaedah ekuiti
PT Padang Industrial Park	Indonesia	55.00%	55.00%	Nota (iv)	Kaedah ekuiti
JTN Logistics Park Sdn. Bhd.	Malaysia	49.00%	49.00%	Nota (v)	Kaedah ekuiti
PT Rizki Bukit Barisan Energy	Indonesia	60.00%	60.00%	Nota (vi)	Kaedah ekuiti

* Bersamaan dengan perkadaran pegangan hak mengundi

Syarikat-syarikat usahasama ini mempunyai tempoh pelaporan yang sama seperti Kumpulan:

- (i) Perniagaan restoran khidmat cepat.
- (ii) Kontrak pembungkusan teh dan perdagangan teh.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

20. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA (SAMBUNGAN)

- (a) Butiran syarikat usahasama Kumpulan adalah seperti berikut (sambungan):
- (iii) Syarikat telah berhenti beroperasi pada Februari 2003.
 - (iv) Pembinaan, pembangunan dan penjualan estet perindustrian.
 - (v) Pembangunan taman industri logistik.
 - (vi) Pengendali kontrak perkongsian pengeluaran di Barat Bukit Barisan
- (b) Ringkasan maklumat kewangan berkaitan syarikat usahasama yang material adalah sebagaimana dinyatakan di bawah. Ringkasan maklumat adalah mewakili amaun dalam penyata kewangan syarikat usahasama dan bukan bahagian keuntungan Kumpulan dalam amaun tersebut.
- (i) Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan

	QSR Brands (M) Holdings Bhd	
	2025	2024
Aset bukan semasa	5,202	5,360
Tunai dan kesetaraan tunai	657	400
Lain-lain aset semasa	423	902
Jumlah aset semasa	1,080	1,302
Jumlah aset	6,282	6,662
Liabiliti semasa (tidak termasuk pemiutang perdagangan dan lain- lain dan peruntukan)	998	1,212
Pemiutang perdagangan dan lain-lain dan peruntukan	780	776
Jumlah liabiliti semasa	1,778	1,988
Liabiliti bukan semasa (tidak termasuk pemiutang perdagangan dan lain- lain dan peruntukan)	2,115	2,313
Perdagangan dan pemiutang dan peruntukan lain	62	58
Jumlah liabiliti bukan semasa	2,177	2,371
Jumlah liabiliti	3,955	4,359
Aset bersih	2,327	2,303

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

20. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA (SAMBUNGAN)

- (b) Ringkasan maklumat kewangan berkaitan syarikat usahasama yang material adalah sebagaimana dinyatakan di bawah. Ringkasan maklumat adalah mewakili amaun dalam penyata kewangan syarikat usahasama dan bukan bahagian keuntungan Kumpulan dalam amaun tersebut (sambungan).

- (ii) Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif

	QSR Brands (M) Holdings Bhd	
	2025	2024
Hasil	3,849	3,231
Susutnilai dan perlunasan	(427)	(494)
Perbelanjaan faedah	(133)	(142)
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	4	(333)
Kredit/(perbelanjaan) cukai pendapatan	(20)	38
Kerugian selepas cukai	(16)	(295)
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif	(5)	(6)
Operasi yang dihentikan	45	(137)
Jumlah kerugian komprehensif	25	(438)

- (c) Penyesuaian ringkasan maklumat kewangan di atas dinyatakan kepada amaun dibawa kepentingan Kumpulan dalam usahasama yang material.

	QSR Brands (M) Holdings Bhd	
	2025	2024
Aset bersih pada 1 Januari	2,303	2,741
Keuntungan/(kerugian) tahun kewangan semasa	29	(432)
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif	(5)	(6)
Dividen diisytihar oleh syarikat usahasama	-	-
Aset bersih pada 31 Disember	2,327	2,303
Kepentingan dalam syarikat usahasama	56.00%	56.00%
Bahagian aset bersih Kumpulan	1,303	1,290

Ujian rosotnilai pelaburan dalam QSR Brands (M) Holdings Bhd ("QSR")

Pada tarikh pelaporan, Kumpulan telah melaksanakan penilaian rosotnilai ke atas pelaburannya dalam QSR Brands (M) Holdings Bhd selaras dengan MFRS 136 Rosotnilai Aset. Amaun boleh pulih telah ditentukan berdasarkan nilai saksama ditolak kos pelupusan, dengan mengambil kira maklumat kewangan terkini yang tersedia serta input berkaitan berasaskan pasaran.

Berdasarkan penilaian tersebut, amaun boleh pulih melebihi amaun dibawa pelaburan pada 31 Disember 2025. Sehubungan itu, tiada kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tahun kewangan semasa, di peringkat Kumpulan dan Syarikat.

Maklumat dasar perakuan material

Pelaburan dalam usaha sama diukur dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai dan bahagian dalam keputusan selepas perolehan.

Kumpulan mengaplikasikan kaedah ekuiti perakuan bagi usaha sama, dengan mengiktiraf bahagian berkadarnya ke atas keputusan selepas perolehan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

21. CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda boleh dikaitkan kepada yang berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2025	2024	2025	2024
Aset cukai tertunda:				
Tertakluk kepada cukai pendapatan	162	165	26	29
	162	165	26	29
Liabiliti cukai tertunda:				
Tertakluk kepada cukai pendapatan	(648)	(633)	(158)	(132)
Tertakluk kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah ("CKHT")	(48)	(41)	(1)	(3)
	(696)	(674)	(159)	(135)
	(534)	(509)	(133)	(106)

Pergerakan di dalam aset dan liabiliti cukai tertunda (sebelum pengimbangan baki dalam bidang kuasa cukai yang sama) sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2025	2024	2025	2024
Pada 1 Januari	(509)	(519)	(106)	9
Dikredit/(Dicaj) kepada untung atau rugi:				
Harta, loji dan kelengkapan	(21)	123	-	(2)
Hartanah pelaburan	(18)	15	(24)	(18)
Hak penggunaan aset	(3)	-	-	-
Inventori	5	-	-	-
Pemiutang	10	-	-	-
Peruntukan	-	14	-	15
Penghutang	4	-	-	-
Liabiliti pajakan	21	(12)	-	-
Kerugian cukai tidak digunakan	-	(109)	(3)	(110)
Elaun modal tidak diserap	8	-	-	-
Penilaian semula rizab	(16)	-	-	-
Lain-lain	(3)	(21)	-	-
	(13)	10	(27)	(115)
Dikreditkan/(Didebitkan) ke dalam pendapatan komprehensif lain:				
Lebihan penilaian semula	(12)	-	-	-
Pada 31 Disember	(534)	(509)	(133)	(106)

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

21. CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2025	2024	2025	2024
Aset cukai tertunda				
Harta, loji dan kelengkapan	85	79	-	-
Hak penggunaan aset	19	22	-	-
Inventori	6	1	-	-
Peruntukan	42	42	17	17
Kerugian cukai tidak digunakan	49	49	9	12
Elaun modal tidak diserap	68	60	-	-
Penghutang	5	1	-	-
Pemiutang	41	31	-	-
Lain-lain	10	24	-	-
Amaun sebelum pengimbangan	325	309	26	29
Pengimbangan	(163)	(144)	-	-
Pada 31 Disember	162	165	26	29
Liabiliti cukai tertunda				
Harta, loji dan kelengkapan	(333)	(294)	12	12
Pajakan	(278)	(299)	-	-
Hartanah pelaburan	(184)	(166)	(154)	(130)
Harta, loji dan kelengkapan (penilaian semula)	(63)	(47)	(17)	(17)
Lain-lain	(1)	(12)	-	-
Amaun sebelum pengimbangan	(859)	(818)	(159)	(135)
Pengimbangan	163	144	-	-
Pada 31 Disember	(696)	(674)	(159)	(135)

Penggunaan kerugian cukai

Para Pengarah berpendapat bahawa keuntungan boleh dicukai adalah mencukupi untuk membolehkan aset cukai tertunda digunakan di masa hadapan.

Dalam menilai sama ada kemungkinan besar keuntungan boleh dikenakan cukai akan diperoleh dalam tempoh perakaunan akan datang sebelum tamat tempoh kerugian cukai yang belum digunakan sehingga tahun 2035, semua bukti yang tersedia diambil kira, termasuk belanjawan, unjuran dan rancangan perniagaan yang telah diluluskan dan, dalam sesetengah kes, analisis keputusan operasi terdahulu.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

21. CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf

Amaun kerugian cukai tidak digunakan dan jumlah perbezaan sementara yang boleh ditolak yang mana tiada aset cukai tertunda diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan oleh anak-anak syarikat tertentu kerana para Pengarah berpendapat bahawa tiada kemungkinan keuntungan boleh dicukai mencukupi untuk membolehkan aset cukai tertunda digunakan seperti berikut:

	Kumpulan 2025	2024	Johor Corporation 2025	2024
Perbezaan sementara boleh ditolak	284	276	-	-
Elaun modal tidak diserap	298	285	-	-
Elaun pelaburan tidak digunakan	111	111	-	-
Kerugian cukai tidak digunakan	1,300	1,222	-	-
	1,993	1,894	-	-
Aset cukai tertunda pada kadar 24%	478	454	-	-

Menurut Akta Kewangan 2021 pindaan kepada Seksyen 44, kerugian cukai tidak digunakan kini boleh dibawa ke hadapan sehingga 10 (2024: 10) tahun taksiran berturut-turut bagi anak syarikat tertentu di Malaysia. Tiada tarikh luput bagi elaun modal tidak diserap dan elaun pelaburan yang tidak digunakan di bawah perundangan cukai semasa.

	Kumpulan 2025	2024	Johor Corporation 2025	2024
Tempoh tamat bagi kerugian cukai tidak digunakan:				
- 2028	688	700	-	-
- 2029	34	37	-	-
- 2030	58	61	-	-
- 2031	113	116	-	-
- 2032	53	54	-	-
- 2033	65	76	-	-
- 2034	178	178	-	-
- 2035	111	-	-	-
	1,300	1,222	-	-
Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf pada kadar 24%	312	293	-	-

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

21. CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Cukai tertunda ke atas hartanah pelaburan dan aset prisihat

Bagi tujuan pengukuran liabiliti cukai tertunda atau aset cukai tertunda yang timbul daripada hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama dan aset prisihat yang tertakluk kepada penilaian semula, Kumpulan telah membuat kesimpulan bahawa aset-aset ini dipegang di bawah model perniagaan yang objektifnya adalah untuk menggunakan sebahagian besar manfaat ekonomi yang terkandung dalam aset tersebut secara beransur-ansur, manakala yang lain dipegang untuk dijual pada masa hadapan. Oleh itu, Kumpulan telah mengukur cukai tertunda ke atas perubahan dalam nilai saksama aset ini menggunakan kadar cukai pendapatan korporat atau kadar cukai keuntungan harta tanah, mengikut kesesuaian.

Maklumat dasar perakaunan material

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara yang terhasil antara asas cukai aset dan liabiliti dengan amaun dibawa dalam penyata kewangan disatukan. Walau bagaimanapun, liabiliti cukai tertunda tidak diiktiraf jika ia terhasil daripada pengiktirafan awal muhibah. Cukai pendapatan tertunda juga tidak diambil kira sekiranya ia terhasil daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga selain daripada gabungan perniagaan yang pada masa urus niaga tersebut, tidak mempengaruhi keuntungan atau kerugian perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian bercukai, serta tidak menghasilkan perbezaan sementara bercukai dan perbezaan sementara yang boleh ditolak. Cukai pendapatan tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda berkenaan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda ditolak antara satu sama lain apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk menolak aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda berkaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama.

Aset cukai tertunda hanya diiktiraf sekiranya berkebarangkalian wujud jumlah bercukai pada masa hadapan yang mencukupi untuk menggunakan perbezaan sementara dan kerugian tersebut.

22.(a) ASET KEWANGAN PADA KOS TERLUNAS

Kumpulan 2025	Deposit dengan Bank Berlesen	Jumlah
Semasa: Aset kewangan pada kos terlunas	24	24
2024		
Semasa: Aset kewangan pada kos terlunas	52	52

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

22. (b) ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

Kumpulan 2025	Saham Tidak Tersenarai	Deposit dengan Bank Berlesen	Jumlah
Bukan Semasa: Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif	24	-	24
2024			
Bukan Semasa: Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif	32	-	32
Semasa: Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif	-	173	173

(c) ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

Kumpulan 2025	Saham Tersenarai	Amanah Saham	Derivatif	Deposit dengan Bank Berlesen	Jumlah
Semasa: Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	5	84	28	5	122
2024					
Semasa: Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	5	-	-	-	5

Saham di Malaysia

Johor Corporation 2025	Saham Tersenarai	Jumlah
Semasa: Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	13	13
2024		
Semasa: Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	10	10

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

22. (c) ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (SAMBUNGAN)

Derivatif

Pada 21 Oktober 2025, sebuah subsidiari telah memeterai pengaturan instrumen derivatif dengan bank-bank pelaburan seperti berikut:

- (i) Nota janji yang dimeterai dengan Maybank Investment Bank Berhad, bagi amaun nosional sebanyak RM12,135,960 (termasuk caj perkhidmatan sebanyak RM237,960); dan
- (ii) Opsyen panggilan harga pelaksanaan sifar yang dimeterai dengan RHB Investment Bank Berhad, bagi amaun nosional sebanyak RM12,262,103 (termasuk caj perkhidmatan sebanyak RM240,443).

Kontrak derivatif ini bersifat sementara dan akan ditamatkan sebaik sahaja bank pelaburan masing-masing memperoleh pelabur pihak ketiga muktamad bagi jualan saham Al-Salam REIT.

Nilai wajar instrumen derivatif ditentukan oleh pakar penilaian luaran dan bebas yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan bersesuaian. Penilaian luaran tersebut mencerminkan nilai wajar instrumen derivatif pada akhir tempoh pelaporan. Perubahan dalam nilai wajar Tahap 2 dianalisis oleh pihak pengurusan pada akhir tempoh pelaporan selepas memperoleh laporan penilaian daripada pakar penilaian tersebut.

Maklumat dasar perakaunan material

- (i) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

Aset yang dipegang untuk kutipan aliran tunai berkontrak dan untuk penjualan aset kewangan, di mana aliran tunai aset tersebut hanya mewakili bayaran prinsipal dan faedah, diukur pada "FVOCI". Pergerakan dalam amaun dibawa diiktiraf melalui pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosot nilai, pendapatan faedah dan keuntungan serta kerugian pertukaran wang asing, yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila aset kewangan tersebut dinyahiktirafkan, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan dikelaskan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain. Pendapatan faedah daripada aset kewangan ini dimasukkan dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan dan kerugian pertukaran wang asing dibentangkan dalam 'keuntungan/(kerugian) lain', manakala perbelanjaan rosot nilai dibentangkan sebagai item berasingan dalam penyata untung atau rugi.

- (ii) Nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk diukur pada kos terlunas atau nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain "FVOCI" akan diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi "FVTPL". Kumpulan juga boleh menetapkan secara tidak boleh batal aset kewangan pada "FVTPL" sekiranya tindakan tersebut dapat mengurangkan atau menghapuskan secara signifikan ketidakpadanan yang timbul akibat aset dan liabiliti diukur atas asas yang berbeza. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi dan dibentangkan secara bersih dalam keuntungan/(kerugian) lain bagi tempoh semasa ia berlaku.

Anak-anak syarikat (sambungan)

(d) Damansara Assets Sdn. Bhd. ("DASB")

Sukuk Ijarah - Nota Jangka Sederhana Islam ("IMTNs")

Pada 24 Ogos 2018, anak syarikat DASB, ALSREIT Capital Sdn. Bhd. ("ACSB") telah menubuhkan Program Sukuk Ijarah yang terdiri daripada Nota Jangka Sederhana Islam ("IMTNs") sehingga RM1.5 bilion dalam nilai nominal.

Pada 24 Ogos 2023, ACSB telah menerbitkan IMTNs bernilai nominal RM455 juta yang membawa kadar keuntungan antara 6.01% hingga 6.35% (2024: 6.03% hingga 6.25%) setahun. Jumlah prinsipal tersebut dijangka akan dibayar pada 24 Ogos 2026.

Pada November 2025, ACSB telah menjelaskan baki tertunggak tersebut melalui penerbitan Sukuk Wakalah.

Program Sukuk Ijarah mempunyai perjanjian penting di mana Al-Salam REIT hendaklah pada setiap masa, mengekalkan perjanjian kewangan berikut:

- (i) Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan ("FSCR") pada tahap Penerbit tidak kurang daripada 1.5 kali;
- (ii) FSCR di peringkat anak syarikat tidak kurang daripada 1.5 kali;
- (iii) Nisbah Perlindungan Keselamatan Minimum sekurang-kurangnya 2.0; dan
- (iv) perjanjian kewangan lain seperti yang ditentukan oleh Agensi Penarafan dan dipersetujui bersama oleh ACSB.

Program Sukuk Ijarah dijamin terhadap hartanah pelaburan yang berjumlah RM947 juta (2024: RM947 juta).

Sukuk Wakalah - Nota Jangka Sederhana Islam ("IMTNs – II")

Pada 29 Ogos 2025, sebuah anak syarikat DASB iaitu ALSREIT Capital Sdn. Bhd. ("ACSB") telah menubuhkan Program Sukuk Wakalah yang merangkumi Nota Jangka Sederhana Islam ("IMTNs - II") sehingga RM3.0 bilion dalam nilai nominal.

Pada 24 November 2025, ACSB telah menerbitkan IMTNs – II bernilai RM455 juta di bawah Program Sukuk Wakalah tersebut, dengan kadar keuntungan sebanyak 3.95% setahun dan tempoh matang selama lima (5) tahun. Hasil terbitan tersebut telah digunakan untuk menebus Sukuk Ijarah berjumlah RM455 juta. Jumlah prinsipal perlu dibayar pada 24 November 2030.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

Anak-anak syarikat (sambungan)

(d) Damansara Assets Sdn. Bhd. ("DASB") (sambungan)

Sukuk Wakalah - Nota Jangka Sederhana Islam ("IMTNs – II") (sambungan)

Terbitan berjumlah RM455 juta ("Sukuk Wakalah Dijamin") adalah dijamin oleh Credit Guarantee and Investment Facility ("CGIF") dan mengandungi perjanjian kewangan di mana anak syarikat hendaklah pada setiap masa mengekalkan perjanjian kewangan berikut:

- (i) Nisbah Pembiayaan kepada Aset tidak melebihi 0.50 kali;
- (ii) FSCR tidak kurang daripada 1.25 kali; dan
- (iii) Nisbah Perlindungan Sekuriti tidak kurang daripada 1.40 kali.

Pembiayaan ini dijamin oleh hartanah pelaburan berjumlah RM727 juta.

Pinjaman berjangka

Istilah pinjaman dijamin melalui caj undang-undang ke atas hartanah pelaburan tertentu DASB dan penyerahan saham. Pinjaman bertempoh boleh dibayar balik dalam tempoh 6 tahun bermula 3 bulan selepas tarikh kemudahan pengeluaran awal.

Pembiayaan Bertempoh-I ("TF-i")

Keuntungan TF-i perlu dibayar dalam tempoh 60 bulan dari tarikh pembayaran pertama. Kadar keuntungan efektif TF-i adalah berdasarkan COF yang berasaskan COF + 1.45% setahun bagi tempoh TF-i.

TF-i mempunyai perjanjian penting di mana anak syarikat DASB hendaklah pada setiap masa mengekalkan kriteria berikut:

- (i) Nisbah perlindungan bayaran pembiayaan ("FPCR") tidak kurang daripada 1.25 kali;
- (ii) Jumlah hutang dan pembiayaan melebihi jumlah nilai aset tidak melebihi 50%; dan
- (iii) Perlindungan keselamatan minimum sebanyak 1.25 kali.

TF-i dijamin oleh hartanah pelaburan berjumlah RM169 juta (2023: RM169 juta).

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

Anak-anak syarikat (sambungan)

(d) Damansara Assets Sdn. Bhd. ("DASB") (sambungan)

Pembiayaan Perniagaan-i ("BF-i")

Keuntungan BF-i perlu dibayar dalam tempoh 72 bulan dari tarikh pembayaran pertama. Kadar keuntungan efektif bagi BF-i adalah berdasarkan COF yang berasaskan COF + 0.60% setahun bagi tempoh BF-i.

BF-i mempunyai perjanjian penting di mana anak syarikat DASB hendaklah pada setiap masa mengekalkan kriteria berikut:

- (i) Nisbah perlindungan bayaran pembiayaan ("FPCR") tidak kurang daripada 1.25 kali;
- (ii) Jumlah hutang dan pembiayaan melebihi jumlah nilai aset tidak melebihi 50%, dan;
- (iii) Perlindungan keselamatan minimum sebanyak 1.30 kali.

BF-i dijamin oleh hartanah pelaburan berjumlah RM67 juta (2024: RM67 juta).

Kredit Pusingan ("RC")

RC dijamin oleh hartanah pelaburan berjumlah RM73 juta (2024: RM73 juta).

(e) JLG Investment Holdings Sdn. Bhd. ("JLGIH")

Pinjaman ini dijamin oleh:

- (i) Caj undang-undang tertentu ke atas hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan dan hartanah dalam pembangunan.
- (ii) Debentur yang merangkumi caj tetap dan terapung ke atas aset sedia ada dan masa hadapan anak syarikat JLGIH.
- (iii) Caj undang-undang dan serahan hak ke atas hasil jualan daripada akaun Pembangunan Perumahan ("HDA") tertentu milik anak syarikat JLGIH.
- (iv) Caj ke atas lebihan dana dalam akaun HDA tertentu, akaun yang ditetapkan, akaun kawalan projek, Akaun Rizab Perkhidmatan Kewangan ("FSRA") dan deposit dengan bank berlesen.
- (v) Ikrar negatif.
- (vi) Akur janji untuk menampung sebarang lebihan kos bagi projek pembangunan anak-anak syarikat JLGIH.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

Anak-anak syarikat (sambungan)

(f) TLP Terminal Sdn. Bhd. ("TLPT")

Pada 30 November 2022, TLPT memeterai pengaturan Kemudahan Pembiayaan Islam Bersindiket ("SIFF") sehingga RM465 juta yang terdiri daripada kemudahan Pembiayaan Berjangka-i sehingga RM250 juta dan kemudahan Pembiayaan Perniagaan-i sehingga RM215 juta.

Tujuan SIFF adalah untuk membiayai sebahagian pemerolehan Pelabuhan Tanjung Langsat daripada Perbadanan, kos pembinaan dan menaik taraf rak paip dan saluran paip Pelabuhan dan kos perolehan yang ditetapkan di bawah perjanjian pajakan kecil untuk perjanjian jual beli bagi gudang yang terletak di Pelabuhan daripada syarikat berkaitan.

Tempoh SIFF adalah sehingga 15 tahun dari tarikh pembayaran balik. SIFF tertakluk kepada kadar keuntungan 1.65% hingga 1.95% setahun melebihi Islamic Cost of Funds 3 bulan berkuat kuasa.

SIFF akan dijamin melalui, termasuk tetapi tidak terhad kepada terma-terma berikut:

- (i) Lampiran Caj (Aset Pelabuhan) (Pihak Pertama) dan Borang 16A;
- (ii) Debentur khusus ke atas Laluan Paip dan Saluran Paip yang dibina;
- (iii) Debentur khusus ke atas Gudang yang diperolehi;
- (iv) Surat Ikatan Serah Hak ke atas Tanah yang Ditetapkan; Perjanjian Ijarah; dan Perjanjian Jual dan Beli ("SPA");
- (v) Lampiran Caj (Pajakan Induk) (Pihak Ketiga) dan Borang 16A;
- (vi) Lampiran Caj (Sub-Pajakan) (Pihak Pertama) dan Borang 16A;
- (vii) Surat Ikatan Serah Hak Hasil oleh Pihak Pertama daripada Aset Pelabuhan; Laluan Paip dan Saluran Paip yang dibina; dan Gudang;
- (viii) Surat Ikatan Serah Hak Hasil oleh Pihak Ketiga daripada Gudang;
- (ix) Serah hak dan caj ke atas Akaun yang Ditetapkan;
- (x) Surat Ikatan Serah Hak ke atas Takaful/Insurans;
- (xi) Surat Kesedaran daripada JCorp;
- (xii) Surat Ikatan Subordinasi bagi mendahulukan hutang yang tertunggak oleh TLPT kepada Johor Corporation; dan
- (xiii) Debentur; dan semua bentuk sekuriti lain yang mungkin termasuk semua sekuriti lain seperti yang dinasihatkan oleh penasihat undang-undang Pemberi Pembiayaan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

Anak-anak syarikat (sambungan)

(g) Tanjung Langsung Port Sdn.Bhd. ("TLP")

Pada 13 Februari 2013, TLP telah menerima pinjaman mudah daripada Kerajaan Malaysia berjumlah RM110,800,000 bagi pembinaan Berth 8 dan Berth 9. Pinjaman mudah tersebut dikenakan kadar faedah 4% setahun dan mempunyai tempoh selama 20 tahun.

Pada 7 Disember 2018, TLP telah menerima surat daripada Kerajaan Malaysia yang mengubah terma dalam surat kelulusan bertarikh 11 Mei 2017. Berdasarkan terma yang disemak, Kerajaan Malaysia mengenakan kadar faedah sebanyak 2% setahun sehingga tahun 2023. Selepas itu, kadar faedah pinjaman mudah tersebut disemak semula kepada 4% setahun sehingga pembayaran penuh pinjaman pada tahun 2041. Pinjaman mudah ini perlu dibayar balik secara separuh tahunan pada 8 Mac dan 8 September.

Kemudahan pinjaman mudah ini dijamin oleh:

- (i) Surat ikatan serah hak (berkaitan tanah industri dan komersial) antara Johor Corporation dan Kerajaan, dan selepas pengeluaran hak milik individu, gadaian berkanun pertama di bawah Kanun Tanah Negara 1965 ke atas tanah industri dan komersial tersebut;
- (ii) Caj tetap pertama melalui debentur ke atas Berth 8 dan Berth 9;
- (iii) Serahan hak ke atas semua hak, kepentingan dan hak milik serta cagaran ke atas Akaun Pinjaman Khas dan Akaun Kutipan Ditetapkan;
- (iv) Surat sokongan (letter of comfort) oleh Johor Corporation;
- (v) Surat akur janji oleh Syarikat untuk memindahkan semua hasil operasi Berth 8 dan Berth 9 ke dalam Akaun Kutipan Ditetapkan;
- (vi) Surat subordinasi oleh Johor Corporation berkaitan semua pendahuluan yang diberikan kepada Syarikat berjumlah RM5,000,000; dan;
- (vii) Surat ikrar negatif (negative pledge) oleh Syarikat bahawa ia tidak akan menanggung sebarang hutang dengan institusi kewangan lain selain yang telah didedahkan sebelum tarikh Perjanjian Pinjaman dan hutang lain dalam urusan perniagaan biasa.

Maklumat dasar perakaunan material

Pinjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai wajar, ditolak kos urus niaga yang ditanggung. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dibawa pada kos terlunas; sebarang perbezaan antara amaun yang diiktiraf pada awalnya dengan amaun penebusan diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang tempoh pinjaman menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Yuran yang dibayar bagi penubuhan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman yang berkemungkinan bahawa sebahagian atau keseluruhan kemudahan tersebut akan digunakan. Dalam keadaan ini, yuran tersebut ditangguhkan sehingga pengeluaran (draw-down) berlaku. Sekiranya tiada bukti bahawa sebahagian atau keseluruhan kemudahan tersebut akan digunakan, yuran tersebut dikapitalisasikan sebagai bayaran terdahulu bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan tersebut.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

Maklumat dasar perakaunan material (sambungan)

Pinjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai wajar, ditolak kos urus niaga yang ditanggung. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dibawa pada kos terlunas; sebarang perbezaan antara amaun yang diiktiraf pada awalnya dengan amaun penebusan diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang tempoh pinjaman menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Yuran yang dibayar bagi penubuhan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman berkebarangkalian bahawa sebahagian atau keseluruhan kemudahan tersebut akan digunakan. Dalam keadaan ini, yuran tersebut ditangguhkan sehingga pengeluaran (draw-down) berlaku. Sekiranya tiada bukti bahawa sebahagian atau keseluruhan kemudahan tersebut akan digunakan, yuran tersebut dikapitalisasi sebagai bayaran terdahulu bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan tersebut.

Pinjaman dinyahiktiraf daripada penyata kedudukan kewangan apabila obligasi yang ditetapkan dalam kontrak telah dipadamkan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang telah dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dengan pertimbangan yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diambil alih, diiktiraf dalam untung atau rugi di bawah pendapatan lain atau kos kewangan.

Apabila terma liabiliti kewangan dirunding semula dan Syarikat menerbitkan instrumen ekuiti kepada pemiutang bagi memadamkan keseluruhan atau sebahagian liabiliti tersebut (pertukaran hutang kepada ekuiti), keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi, yang diukur sebagai perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan dengan nilai wajar instrumen ekuiti yang diterbitkan.

Pinjaman diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa kecuali pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan mempunyai hak untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti tersebut sekurang-kurangnya 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan.

Perjanjian yang perlu dipatuhi oleh Kumpulan pada atau sebelum akhir tempoh pelaporan diambil kira dalam pengklasifikasian pengaturan pinjaman sama ada sebagai semasa atau bukan semasa. Perjanjian yang perlu dipatuhi selepas tempoh pelaporan tidak memberi kesan kepada pengklasifikasian pada tarikh pelaporan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

30. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN

	Kumpulan 2025	2024	Johor Corporation 2025	2024
Semasa				
Pemiutang perdagangan (Nota (a))	637	564	2	4
Akruan perdagangan (Nota (a))	751	641	2	2
Lain-lain pemiutang (Nota (b))	570	639	139	304
Wang simpanan	30	16	-	-
Amaun terhutang kepada syarikat bersekutu (Nota (c))	9	15	9	11
Amaun terhutang kepada kepentingan bukan kawalan anak syarikat (Nota (c))	3	107	-	-
Amaun terhutang kepada anak syarikat (Nota (d))	-	-	199	565
	2,000	1,982	351	886
Bukan semasa				
Pemiutang perdagangan	-	10	-	-
Lain-lain pemiutang (Nota (b))	93	45	62	-
	93	55	62	-
Jumlah	2,093	2,037	413	886

(a) Pemiutang perdagangan dan akruan perdagangan

Amaun ini tidak dikenakan faedah. Hutang dagangan dan akruan dagangan lazimnya diselesaikan dalam tempoh 30 hari hingga 60 hari (2024: 30 hari hingga 60 hari).

(b) Lain-lain pemiutang

Amaun ini tidak dikenakan faedah dan lazimnya diselesaikan dalam tempoh purata enam bulan (2024: purata tempoh enam bulan).

Termasuk dalam pemiutang lain ialah amaun sebanyak RM104.01 juta (2024: RM119.86 juta) yang berkaitan dengan pendahuluan dan bayaran bagi pihak, yang secara amnya tidak bercagar dan tidak dikenakan faedah.

Di samping itu, sejumlah RM11.90 juta terhutang kepada Maybank Investment Bank Berhad dan RM12.02 juta terhutang kepada RHB Investment Bank Berhad berhubung dengan pengaturan derivatif bagi pelupusan Al-Salam sepanjang tahun kewangan.

(c) Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat sekutu dan kepentingan bukan kawalan anak-anak syarikat

Amaun-amaun ini tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

30. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

(d) Amaun terhutang kepada anak-anak syarikat

Amaun ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan kecuali bagi amaun terhutang kepada sebuah subsidiari berjumlah sifar (2024: RM329 juta) yang dikenakan kadar faedah antara 3.62% hingga 4.67% (2024: 3.62% hingga 4.67%) setahun.

	Johor Corporation	
	2025	2024
Amaun sebelum pengimbangan	518	1,236
Pengimbangan (amaun terhutang daripada anak-anak syarikat)	(319)	(671)
Amaun selepas pengimbangan	199	565

Penyesuaian liabiliti kewangan yang terhasil daripada aktiviti kewangan

Jadual di bawah memperincikan perubahan di dalam liabiliti Johor Corporation yang terhasil daripada aktiviti kewangan dengan anak syarikat termasuk perubahan tunai dan bukan tunai. Liabiliti yang terhasil daripada aktiviti kewangan adalah daripada aliran tunai atau aliran tunai masa hadapan, yang diklasifikasikan dalam penyata aliran tunai Johor Corporation sebagai aliran tunai daripada aktiviti kewangan.

	Johor Corporation	
	2025	2024
Pada 1 Januari	565	402
Perubahan tunai bersih	(40)	(8)
Pertambahan faedah	9	16
Lain-lain perubahan	(335)	155
Pada 31 Disember	199	565

Maklumat dasar perakaunan material

Pengiktirafan liabiliti kewangan

Pemiutang dagangan mewakili liabiliti bagi barangan atau perkhidmatan yang telah dibekalkan kepada Kumpulan sebelum akhir tahun kewangan tetapi masih belum dibayar. Pemiutang dagangan diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa melainkan bayaran tidak perlu dibuat dalam tempoh 12 bulan selepas tempoh pelaporan. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai liabiliti bukan semasa.

Pemiutang dagangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama selepas ditolak kos transaksi yang ditanggung, termasuk cukai pemindahan dan duti.

Pemiutang dagangan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Amaun ini mewakili liabiliti bagi tuntutan kontraktor IDD yang telah dibekalkan kepada Kumpulan sebelum akhir tahun kewangan tetapi masih belum dibayar.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

31. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG

	Kumpulan 2025	2024	Johor Corporation 2025	2024
Geran Kerajaan (Nota (a))	264	302	92	131
Penyewaan pajakan tanah diterima terdahulu (Nota (b))	730	749	631	643
Deposit (Nota (c))	11	6	-	-
Lain-lain pemiutang jangka panjang	13	20	-	-
	1,018	1,077	723	774

(a) Geran Kerajaan

	Kumpulan 2025	2024	Johor Corporation 2024	2023
Pada kos:				
Pada 1 Januari	531	432	321	317
Geran diterima dalam tahun kewangan semasa	10	5	5	4
Pelarasan	(40)	94	(40)	-
Pada 31 Disember	501	531	286	321
Pelunasan terkumpul:				
Pada 1 Januari	229	125	190	185
Pelunasan (Nota 4)	8	104	4	5
Pada 31 Disember	237	229	194	190
Baki pada 31 Disember	264	302	92	131

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

31. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)

(b) Penyewaan pajakan tanah diterima terdahulu

	Kumpulan 2025	2024	Johor Corporation 2025	2024
Pada kos:				
Pada 1 Januari	990	957	765	731
Tambahan	5	33	5	34
Pelarasan^	(36)	-	-	-
Pada 31 Disember	959	990	770	765
Pelunasan terkumpul:				
Pada 1 Januari	241	219	122	105
Pengiktirafan pendapatan bagi tahun kewangan semasa	18	22	17	17
Pelarasan^	(30)	-	-	-
Pada 31 Disember	229	241	139	122
Pada 31 Disember	730	749	631	643

Ini mewakili wang diterima terdahulu daripada pajakan semula bagi tempoh pajakan antara 30 hingga 60 tahun yang akan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif seperti berikut:

	Kumpulan 2025	2024	Johor Corporation 2025	2024
Kurang 1 tahun	23	23	17	17
1 hingga 2 tahun	23	23	17	17
2 hingga 3 tahun	23	23	17	17
Melebihi 3 tahun	661	680	580	592
Pada 31 Disember	730	749	631	643

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

31. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)

(c) Deposit

Deposit merupakan amaun yang diterima daripada perunding perubatan, yang perlu dibayar atas kematian, persaraan (pada umur 65 tahun) atau hilang upaya para perunding perubatan tersebut. Deposit akan luput dengan penamatan perkhidmatan pakar perunding perubatan itu sama ada oleh Kumpulan berikutan berlakunya kemungkiran atau penamatan awal oleh perunding perubatan. Walau bagaimanapun, deposit boleh dibayar balik kepada perunding perubatan jika kelulusan daripada Lembaga Pengarah KPJ Healthcare Berhad diperolehi.

Deposit yang sebelum ini diukur pada kos, kini diukur pada nilai saksama pada mulanya dan seterusnya pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Perbezaan antara nilai saksama dan nilai tunai diiktiraf sebagai pendapatan perundingan ditangguhkan dan diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh perkhidmatan yang tinggal kepada persaraan (pada umur 65 tahun) perunding perubatan.

Maklumat dasar perakaunan material

Geran Kerajaan

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya apabila terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

Geran kerajaan yang berkaitan dengan kos diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang tempoh bagi memadankan kos berkaitan yang ingin ditampung oleh geran tersebut.

Geran kerajaan yang berkaitan dengan pembelian aset dibentangkan sebagai geran kerajaan tertunda di bawah liabiliti bukan semasa dan diiktiraf dalam untung atau rugi secara garis lurus sepanjang jangka hayat berguna aset berkaitan.

32. RIZAB

(a) Rizab modal

Rizab modal merangkumi terutamanya Rizab Waran, Rizab ESOS, dan lain-lain rizab yang disimpan oleh anak-anak syarikat dalam Kumpulan.

(b) Rizab penilaian semula aset

Bagi Kumpulan, rizab penilaian semula mewakili lebih daripada penilaian semula tanah dan bangunan.

Bagi Johor Corporation, rizab penilaian semula aset mewakili lebih daripada penilaian semula hartanah, loji dan peralatan berkenaan tanah di Tanjung Langsat dan Sedili.

(c) Rizab turun naik mata wang

Rizab turun naik mata wang terdiri daripada semua perbezaan mata wang asing yang terhasil daripada penterjemahan penyata kewangan operasi luar negara di mana mata wang fungsian adalah berbeza daripada mata wang persembahan Kumpulan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

32. RIZAB (SAMBUNGAN)

(d) Rizab nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVOCI")

Rizab nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada perubahan bersih terkumpul dalam instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVOCI") sehingga pelaburan tersebut dinyahiktirafkan.

(e) Rizab hasil

Rizab hasil terdiri daripada bahagian keuntungan perniagaan disimpan oleh Kumpulan dan Johor Corporation bagi pelaburan untuk pertumbuhan masa depan dan perbezaan antara bahagian kepentingan bukan kawalan dalam anak syarikat yang diambilalih/dilupakan tanpa kehilangan kawalan, dan bayaran yang telah dijelaskan/diterima.

33. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak yang dianggap sebagai berkaitan dengan Kumpulan atau Johor Corporation adalah sekiranya Kumpulan atau Johor Corporation mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal sesuatu pihak atau melaksanakan pengaruh secara ketara ke atas pihak tersebut di dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Johor Corporation dan pihak tersebut adalah tertakluk kepada kawalan sepunya atau pengaruh ketara sepunya. Pihak-pihak berkaitan terdiri daripada individu-individu atau lain-lain entiti.

Johor Corporation telah ditubuhkan di bawah Enakmen Johor Corporation, 1986) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen, 1995), dan dikawal oleh Kerajaan Negeri Johor. Kumpulan menganggap, untuk tujuan MFRS 124 - "Kenyataan Pihak Berkaitan", Kerajaan Negeri Johor mempunyai hak untuk melaksanakan kawalan ke atas Johor Corporation. Hasilnya, badan-badan Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Johor terkawal (secara kolektif dirujuk sebagai "entiti berkaitan kerajaan") adalah pihak berkaitan Kumpulan dan Johor Corporation.

Selain daripada urusan niaga secara individu penting seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan, Kumpulan dan Johor Corporation secara kolektif, tetapi tidak termasuk secara individu, mempunyai urusan niaga penting dengan entiti berkaitan kerajaan yang lain termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- a. Cukai tanah dan taksiran yang dibayar kepada Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor;
- b. Perlesenan perniagaan dan sewaan dibayar kepada entiti berkaitan kerajaan negeri; dan
- c. Bayaran sewa tanah yang diberikan kepada entiti yang berkaitan dengan kerajaan.

Urusan niaga ini dijalankan melalui pelaksanaan prosedur rutin dalam rangka perniagaan Kumpulan atas terma yang dikonsepskan secara konsisten mengikut dasar dan proses dalaman Kumpulan. Terma ini tidak bersandarkan pada status entiti rakan sejawatan sama ada terkait dengan kerajaan atau bukan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

33. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan, urus niaga pihak berkaitan penting Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2025	2024	2025	2024
Telah dibayar/perlu dibayar kepada anak-anak syarikat dan pihak-pihak berkaitan:				
Yuran pengurusan	-	-	16	10
Belanja faedah	-	-	9	16
Sumbangan kepada:				
Klinik Waqaf An-Nur	3	3	-	-
Yayasan Johor Corporation	5	4	-	1
Penerimaan/akan diterima daripada anak-anak syarikat dan pihak-pihak berkaitan:				
Penjualan Tanah	-	-	1,205	443
Dividen	-	-	232	426
Pendapatan yuran pengurusan	-	-	-	2
Pendapatan sewa	-	-	10	13
Pendahuluan	-	-	98	171

34. KOMITMEN MODAL

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2025	2024	2025	2024
Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukan dalam penyata kewangan:				
Dikontrak untuk	1,214	1,194	-	-
	1,214	1,194	-	-
Dianalisis seperti berikut:				
Harta, loji dan kelengkapan	826	500	-	-
Buildings	186	530	-	-
Lain-lain	202	164	-	-
	1,214	1,194	-	-

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

35. KONTINGENSI

Johor Corporation

Perolehan tanah di Mukim Tebrau dan Mukim Plentong

Mahkamah Tinggi pada 8 Ogos 2019 telah memutuskan bahawa kesemua 31 prosiding Rujukan Tanah dibatalkan kerana Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes tersebut. Keputusan ini dibuat berdasarkan bahawa Award (Borang G) adalah cacat dan tidak sah memandangkan Pentadbir Tanah gagal membahagikan amaun pampasan kepada semua pihak berkepentingan secara individu seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) dan 14(2) Akta Pengambilan Tanah 1960.

Hakim yang bijaksana memutuskan bahawa Mahkamah Rujukan Tanah hanya boleh menentukan dan membuat perintah berkaitan dengan “terma rujukan” seperti yang dinyatakan dalam Borang N yang sah atau isu-isu yang dibangkitkan oleh Pentadbir Tanah (melalui Borang M) menurut Seksyen 36(2)(a) hingga (f) Akta tersebut. Oleh itu, Borang N yang tidak sah yang berasaskan Borang G yang tidak sah, serta Borang H, tidak memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi.

Susulan keputusan tersebut, Johor Corporation telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan pada bulan September 2019. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira kesediaan Kerajaan Negeri Johor, Johor Corporation dan KCSB Konsortium Sdn. Bhd. untuk mencapai penyelesaian di luar mahkamah, rayuan tersebut telah ditarik balik di Mahkamah Rayuan pada 29 April 2022. Johor Corporation telah bekerjasama rapat dengan KCSB Konsortium Sdn. Bhd. dan Kerajaan Negeri Johor dalam merangka Perjanjian Penyelesaian Global (GSA), namun pihak-pihak berkenaan gagal mencapai persetujuan secara muktamad. Sehubungan itu, Johor Corporation telah memfailkan Saman Pemula di Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru pada 11 September 2023 bagi mendapatkan, antara lain, perintah-perintah berikut:

- (i) Suatu perisytiharan bahawa Lot 139 Mukim Tebrau dan Lot 1876 Mukim Plentong telah diambil sepenuhnya dan terletak hak kepada Pihak Berkuasa Negeri Johor; dan
- (ii) Pentadbir Tanah Johor Bahru adalah diberi kebebasan untuk membahagikan jumlah pampasan kepada KCSB Konsortium Sdn. Bhd. dan semua pihak yang berkepentingan.

Mahkamah telah menetapkan pendengaran bagi prosiding Saman Pemula yang disatukan dan Semakan Kehakiman pada 22 Julai 2026.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

36. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan bagi Kumpulan dan Johor Corporation dikategorikan sebagaimana kategori berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2025	2024	2025	2024
Aset kewangan yang diukur pada kos terlunas:				
Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 24)	1,381	1,580	1,280	1,510
Baki tunai dan bank (Nota 26)	2,767	2,279	490	816
Aset kewangan lain (Nota 22(a))	24	52	-	-
	4,172	3,911	1,770	2,326
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 22(c))	122	5	13	10
	122	5	13	10
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (Nota 22(b))	24	205	-	-
	24	205	-	-
Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas:				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain (Nota 30)	2,093	2,037	413	886
Lain-lain hutang jangka panjang (Nota 31)	13	20	-	-
Pembiayaan dan pinjaman (Nota 29)	9,179	8,896	2,816	2,966
	11,285	10,953	3,229	3,852

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko-risiko kewangan yang timbul daripada operasi bisnes dan penggunaan instrumen- instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko kredit, risiko kecairan, risiko kadar faedah, risiko mata wang asing dan risiko harga pasaran.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengkaji semula dan bersetuju polisi-polisi dan prosedur bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, yang dilaksanakan oleh pasukan pengurusan. Lembaga Jawatankuasa Audit dan Risiko memberikan pendapat bebas atas keberkesanan proses pengurusan risiko.

lanya, dan sebagaimana sepanjang tahun kewangan semasa dan lalu, polisi Kumpulan bahawa tiada derivatif akan diambil kecuali bagi penggunaan instrumen lindung nilai dimana sesuai dan kos efektif.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Seksyen berikut memberikan perincian berkaitan pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko-risiko kewangan yang telah dinyatakan di atas serta objektif, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko-risiko tersebut:

(a) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul dari instrumen kewangan yang tertunggak apabila pihak berlawanan mungkir dalam membayar tanggungan kontraknya. Risiko kredit timbul dari tunai dan kesetaraan tunai, aliran tunai kontrak pelaburan hutang yang dibawa pada kos pelunasan, pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") dan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), instrumen kewangan derivatif yang menguntungkan dan deposit dengan bank dan institusi kewangan, serta pendedahan kredit terutamanya dari perdagangan belum terima dan penghutang-penghutang lain.

Kumpulan dan Johor Corporation menggunakan dasar untuk berurusan dengan pelanggan dengan sejarah kredit yang sesuai, dan memperoleh sekuriti yang mencukupi di mana sesuai, termasuk pembayaran pendahuluan, sekuriti dalam bentuk jaminan, surat akujanji atau surat kredit yang boleh dipanggil jika pihak berlawanan mungkir di bawah syarat-syarat perjanjian. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk sekuriti pelaburan, baki tunai dan bank dan derivatif), Kumpulan dan Johor Corporation meminimumkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak-pihak berlawanan yang mempunyai rekod kredit yang baik.

Kumpulan berusaha untuk melabur aset tunai secara selamat dan menguntungkan dan membeli insuran untuk melindunginya terhadap risiko insuran dalam hal ini, pihak berlawanan dinilai untuk had kredit yang ditetapkan untuk meminimumkan sebarang potensi kerugian. Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang signifikan dan ia bukan polisi Kumpulan untuk melindungi nilai risiko kredit. Kumpulan mempunyai polisi bagi memastikan anak-anak syarikat yang operasinya signifikan untuk memastikan penjualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengambilkira sejarah hutang dan mengehaskan jumlah pendedahan kepada satu-satu pelanggan. Bagi anak-anak syarikat yang signifikan, tiada berlaku pelanggaran had kredit yang melampau sepanjang tempoh laporan dan pengurusan tidak menjangkakan sebarang kerugian ketara daripada pihak-pihak berlawanan yang tidak produktif.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit diwakili oleh amaun dibawa bagi setiap jenis aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Johor Corporation memantau secara berterusan keputusan kewangan dan pembayaran balik yang dibuat oleh anak-anak syarikat.

Profil tumpuan risiko kredit

Penumpuan risiko kredit berhubung dengan penghutang perdagangan adalah terhad disebabkan oleh asas pelanggan Kumpulan yang pelbagai. Kumpulan mengawal risiko kredit dengan memastikan pelanggan mempunyai kewangan dan sejarah kredit yang kukuh.

Selain daripada amaun terutang daripada anak syarikat kepada Johor Corporation, Kumpulan dan Johor Corporation tidak terdedah kepada apa-apa tumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk penghutang daripada penghutang tunggal atau kumpulan penghutang.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Risiko kredit (sambungan)

Rosotnilai aset kewangan

Aset kewangan Kumpulan yang tertakluk kepada model kerugian kredit dijangka ("ECL") termasuk penghutang perdagangan, aset kontrak dan penghutang-penghutang lain. Walaupun tunai dan setara tunai juga tertakluk kepada keperluan rosotnilai MFRS 9, kerugian rosotnilai dijangka tidak material.

i. Penghutang dagangan menggunakan pendekatan mudah

Kumpulan menggunakan pendekatan mudah MFRS 9 untuk mengukur kerugian kredit dijangka yang menggunakan elaun kerugian kredit dijangka sepanjang hayat untuk semua penghutang perdagangan.

Untuk mengukur kerugian kredit dijangka, penghutang perdagangan dan aset kontrak dikumpulkan berdasarkan ciri risiko kredit bersama dan hari lampau tempoh.

Kadar kerugian dijangka adalah berdasarkan profil pembayaran jualan dalam tempoh 24 bulan sebelum tarikh pelaporan dan pengalaman rugi kredit sejarah dalam tempoh ini. Kadar pengalaman rugian sejarah diselaraskan untuk mencerminkan maklumat terkini dan pandangan ke hadapan mengenai faktor makroekonomi yang mempengaruhi keupayaan pelanggan untuk menyelesaikan hutang tersebut. Tiada perubahan ketara ke atas teknik anggaran dan anggapan yang dibuat semasa tempoh pelaporan.

Kadar kerugian dijangka adalah berdasarkan profil pembayaran jualan dalam tempoh 24 bulan sebelum tarikh pelaporan dan pengalaman rugi kredit sejarah dalam tempoh ini. Kadar pengalaman rugian sejarah diselaraskan untuk mencerminkan maklumat terkini dan pandangan ke hadapan mengenai faktor makroekonomi yang mempengaruhi keupayaan pelanggan untuk menyelesaikan hutang tersebut. Tiada perubahan ketara ke atas teknik anggaran atau anggapan yang dibuat semasa tempoh pelaporan.

Nota 25 dan 26 melaksanakan penetapan rincian pengukuran ECL.

ii. Penghutang lain menggunakan pendekatan 3-peringkat umum

Kumpulan menggunakan tiga kategori untuk penghutang lain yang menunjukkan risiko kredit mereka dan bagaimana elaun kerugian ditentukan bagi setiap kategori tersebut.

Nota 25 melaksanakan penetapan rincian pengukuran ECL.

iii. Jumlah terhutang daripada pihak berkaitan, anak syarikat dan syarikat bersekutu menggunakan pendekatan 3-peringkat umum

Kumpulan menggunakan tiga kategori untuk amaun terhutang dari pihak berkaitan, anak syarikat dan syarikat bersekutu yang menunjukkan risiko kredit mereka dan bagaimana elaun kerugian ditentukan bagi setiap kategori tersebut.

Nota 24 melaksanakan penetapan rincian pengukuran ECL.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Risiko kredit (sambungan)

Rosotnilai aset kewangan (sambungan)

Ringkasan andaian yang menyokong model ECL Kumpulan adalah seperti berikut:

Kategori	Kategori definisi kumpulan	Asas bagi mengiktiraf ECL
Berprestasi	Penghutang mempunyai risiko mungkin yang rendah dan kemampuan yang kuat untuk memenuhi aliran tunai kontraktual	ECL untuk 12 bulan
Kurang berprestasi	Penghutang yang terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan atau kenaikan risiko kredit yang signifikan dianggap jika pembayaran dan/atau pembayaran pokok telah 30 hari lampau tempoh	ECL sepanjang hayat
Tidak berprestasi	Pembayaran balik faedah dan/atau pokok adalah 90 hari lampau tempoh atau terdapat bukti yang menunjukkan aset tersebut mengalami kredit terjejas	ECL sepanjang hayat (kredit terjejas)
Hapus kira	Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa tiada jangkaan pemulihan yang munasabah berdasarkan ketidaksediaan sumber pendapatan penghutang atau aset yang menghasilkan aliran tunai masa hadapan yang mencukupi	Aset telah dihapus kira

Berdasarkan perkara di atas, elaun kerugian diukur sama ada dalam ECL untuk 12 bulan atau ECL seumur hidup yang menggabungkan metodologi di bawah:

- PD ('kebarangkalian mungkin') – kebarangkalian penghutang tidak akan dapat membayar balik dalam tempoh kontrak;
- LGD ('rugi jika mungkin') – peratusan aliran tunai kontraktual yang tidak dapat dikutip jika berlaku mungkin; dan
- EAD ('pendedahan apabila mungkin') – amaun tertunggak yang terdedah kepada risiko mungkin.

Dalam mendapatkan PD dan LGD, Kumpulan mempertimbangkan data sejarah bagi setiap penghutang mengikut kategori dan menyesuaikannya untuk berpandangan ke hadapan menggunakan data makroekonomi. Kumpulan telah mengenal pasti industri dan kawasan geografi tempat penghutang beroperasi, yang menjadi faktor yang paling relevan. Elaun rugi diukur pada amaun kebarangkalian purata yang mencerminkan kemungkinan kerugian kredit dan kemungkinan tiada kerugian kredit. Tiada perubahan ketara ke atas teknik anggaran atau anggapan yang dibuat semasa tempoh pelaporan. Bagi kontrak jaminan kewangan, dalam memperoleh PD, Johor Corporation mempertimbangkan tempoh kontrak maksimum yang mana penghutang mempunyai kewajiban kontrak sekarang untuk memperluaskan kredit dalam mengukur kerugian kredit dijangka.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko dimana Kumpulan dan Johor Corporation akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi tanggungan kewangannya disebabkan oleh kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidakserasian tempoh matang aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Johor Corporation adalah untuk mengekalkan keseimbangan antara kesinambungan pembiayaan dan fleksibiliti menerusi penggunaan kemudahan kemudahan kredit siap sedia.

Analisis instrumen kewangan menurut baki matang

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan berdasarkan tanggungan bayaran balik tidak didiskaun mengikut kontrak:

Pada 31 Disember 2025	Atas permintaan atau dalam 1 tahun	Melebihi 1 Hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun	Jumlah
Kumpulan				
Liabiliti kewangan:				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	2,000	93	-	2,093
Lain-lain liabiliti jangka panjang	-	13	-	13
Pembiayaan dan pinjaman	1,586	3,915	3,678	9,179
Liabiliti pajakan	34	320	398	752
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	3,620	4,341	4,076	12,037
Johor Corporation				
Liabiliti kewangan:				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	413	-	-	413
Pembiayaan dan pinjaman	38	1,644	1,134	2,816
Liabiliti pajakan	3	3	-	6
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	454	1,647	1,134	3,235

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko kecairan (sambungan)

Analisis instrumen kewangan menurut baki matang (sambungan)

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan berdasarkan tanggungan bayaran balik tidak didiskaun mengikut kontrak (sambungan):

Pada 31 Disember 2024 Kumpulan	Atas permintaan atau dalam 1 tahun	Melebihi 1 Hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun	Jumlah
Liabiliti kewangan:				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	1,982	55	-	2,037
Lain-lain liabiliti jangka panjang	-	20	-	20
Pembiayaan dan pinjaman	982	3,218	4,696	8,896
Liabiliti pajakan	43	281	372	696
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	3,007	3,574	5,068	11,649
Johor Corporation				
Liabiliti kewangan:				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	886	-	-	886
Pembiayaan dan pinjaman	2	1,231	1,733	2,966
Liabiliti pajakan	3	5	-	8
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	891	1,236	1,733	3,860

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dan Johor Corporation akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kadar faedah yang timbul terutama daripada pembiayaan dan pinjaman. Pinjaman yang dikeluarkan pada kadar yang berbagai mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah aliran tunai manakala pinjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap pula mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah nilai saksama. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran kadar pinjaman tetap dan terapung, dan memasuki swap kadar faedah.

Analisis kepekaan bagi risiko kadar faedah

Pada tarikh laporan, perubahan 50 mata asas ("bp") dalam kadar faedah akan menyebabkan kenaikan/(penurunan) untung atau rugi selepas cukai bagi jumlah ditunjukkan di bawah. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pemboleh ubah lain, tertentunya kadar pertukaran wang asing, tidak berubah.

	Kumpulan 2025	2024	Johor Corporation 2025	2024
Kadar faedah:				
Menurun dalam kadar faedah sebanyak 50 bp	1	5	-	-
Meningkat dalam kadar faedah sebanyak 50 bp	(1)	(5)	-	-

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko mata wang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko mata wang asing yang terhasil daripada transaksi yang dinyatakan dalam mata wang asing.

Pada tarikh pelaporan, risiko pertukaran mata wang asing tidak dianggap material kepada Kumpulan.

(e) Risiko harga pasaran

Risiko harga pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan yang akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam harga pasaran (selain daripada kadar faedah atau pertukaran kadar).

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang timbul daripada pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga. Instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di Malaysia disenaraikan di dalam Bursa Malaysia. Instrumen-instrumen ini diklasifikasikan sebagai aset-aset kewangan nilai saksama melalui untung atau rugi atau nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.

Instrumen ekuiti tersiar harga

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada terbitan tawaran harga pasaran pada tarikh laporan.

Hierarki nilai saksama

Kumpulan mempunyai aset dan liabiliti berikut yang dinilai pada nilai saksama atau tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Kumpulan Pada 31 Disember 2025	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif	24	-	-	24
Nilai saksama melalui untung atau rugi	122	-	-	122
Aset-aset bukan kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Hartanah pelaburan	-	-	5,210	5,210
Harta, loji dan kelengkapan	-	-	3,099	3,099
- Aset prisihat	-	-	55	55
Aset biologi	-	-	-	-
Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan:				
Pinjaman berjangka - terapung	-	-	(1,494)	(1,494)
Nota Jangka Sederhana Islam ("IMTNs")	-	-	(5,407)	(5,407)
	146	-	1,463	1,609

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko harga pasaran (sambungan)

Hierarki nilai saksama (sambungan)

Kumpulan mempunyai aset dan liabiliti berikut yang dinilai pada nilai saksama atau tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan (sambungan):

Kumpulan Pada 31 Disember 2024	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif	205	-	-	205
Nilai saksama melalui untung atau rugi	5	-	-	5
Aset-aset bukan kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Hartanah pelaburan	-	-	5,360	5,360
Harta, loji dan kelengkapan				
- Aset prisihat	-	-	2,950	2,950
Aset biologi	-	-	67	67
Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan di dalam penyata kedudukan kewangan:				
Pinjaman berjangka - terapung	-	-	(1,824)	(1,824)
Nota Jangka Sederhana Islam ("IMTNs")	-	-	(5,306)	(5,306)
	210	-	1,247	1,457

Johor Corporation Pada 31 Disember 2025	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Nilai saksama melalui untung atau rugi	13	-	-	13
Hartanah pelaburan	-	-	2,069	2,069
Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:				
Nota Jangka Sederhana Islam ("IMTNs")	-	-	(2,285)	(2,285)
	13	-	(216)	(203)

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko harga pasaran (sambungan)

Hierarki nilai saksama (sambungan)

Johor Corporation Pada 31 Disember 2024	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Nilai saksama melalui untung atau rugi	10	-	-	10
Hartanah pelaburan	-	-	2,009	2,009
Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:				
Nota Jangka Sederhana Islam ("IMTNs")	-	-	(2,316)	(2,316)
	10	-	(307)	(297)

Sepanjang tempoh laporan berakhir 31 Disember 2025 dan 2024, tiada sebarang pindahan antara Tahap 1 dan Tahap 2 pada hierarki nilai saksama dan tiada pemindahan masuk dan keluar dari nilai saksama Tahap 3.

(f) Nilai saksama

Berikut adalah kategori instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan mempunyai anggaran amaun dibawa yang munasabah:

	Nota
Penghutang dagangan dan lain-lain	24
Pembiayaan dan pinjaman (kecuali pinjaman tertentu yang nilai saksama dinyatakan dalam Nota 29)	29
Pemiutang dagangan dan lain-lain	30

